**Jambatan Kedua Selamat** MS9



**Kemuka permohonan papan iklan** MS24

**Peraduan Mewarna** MS 28





PERCUMA

# buletin Mutiara




www.buletinmutiara.com

**1 – 15, DISEMBER 2013**

http:www.facebook.com/buletinmutiara
http:www.facebook.com/cmlimguaneng


# Bajet 2014 berasaskan pentadbiran hasil demi rakyat

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**

**GEORGE TOWN** - Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng baru-baru ini membentangkan Bajet 2014 Pulau Pinang, iaitu pelan belanjawan tahunan negeri yang memberi penekanan pada pentadbiran berasaskan hasil *(outcome-based administration)* demi kepentingan rakyat.

Bertemakan 'Negeri Bertaraf Antarabangsa dan Pintar', Guan Eng menggariskan tiga teras utama pembangunan negeri, iaitu merancakkan pertumbuhan negeri *(pro-growth)*, mewujudkan peluang-peluang pekerjaan *(pro-jobs)* dan menjamin keadilan sosio-ekonomi *(pro-poor)*.

"Hal ini bukan sekadar memenuhi prinsip *value for money* dan penggunaan sumber secara optimal, tetapi, juga memastikan setiap projek yang dirancang mampu memberikan impak maksima kepada rakyat.

"Pencarian sumber-sumber baru dan kreatif serta memaksimakan penggunaan sumber sedia ada menjadi fokus utama bagi mengurangkan perbelanjaan, di samping, pada masa sama dapat meningkatkan pendapatan," ujarnya ketika membentangkan Rang Undang-undang Perbekalan dan Usul Anggaran Pembangunan 2014 di Persidangan Dewan Undangan Negeri (DUN) di sini baru-baru ini.



**KETUA Menteri bersama-sama barisan kepimpinan Kerajaan Negeri berjalan keluar dari bilik persidangan DUN selepas selesai pembentangan Rang Undang-undang Perbekalan dan Usul Anggaran Pembangunan 2014 di sini baru-baru ini. *(Gambar oleh, Ahmad Adil Muhamad).***

Bajet 2014 yang dicadangkan adalah berjumlah RM962,190,699, iaitu RM843,195,379 untuk bajet pengurusan dan RM238,995,320 (bajet pembangunan).

Belanjawan kali ini mensasarkan RM587,753,720 kutipan hasil, iaitu pengurangan 17.05 peratus (RM120,769,940) berbanding anggaran hasil tahunan 2013 yang berjumlah RM708.52 juta.

Anggaran hasil itu terdiri daripada hasil cukai RM134.21 juta atau 22.83 peratus, hasil bukan cukai (RM367.50 juta atau 62.53 peratus) dan terimaan bukan hasil (RM86.04 juta atau 14.64 peratus).

"Perbezaan pengurangan hasil sebanyak RM120.77 juta yang dijangkakan pada tahun 2014 berbanding anggaran hasil tahun 2013 adalah kerana sumber hasil yang diperoleh daripada bayaran premium tanah bagi pemberian hak milik dan tukar syarat tanah tidak dapat dipastikan dan banyak bergantung kepada permintaan pasaran *(market forces)*," ujar beliau.




Ekoran itu, Guan Eng memberitahu, Bajet 2014 dijangka mengalami defisit RM255.44 juta, iaitu kurang RM6.60 juta berbanding anggaran defisit bagi tahun 2013 (RM262.04 juta).

Pun begitu, katanya lagi, anggaran defisit yang dijangka dalam Bajet 2014 dapat dibiayai daripada Simpanan Terkumpul Negeri yang berbaki sebanyak RM825.28 juta pada akhir tahun 2012, sebagaimana disebut dalam Laporan Ketua Audit Negara lepas.

"Bajet 2014 mungkin tiada surplas (lebihan kewangan), tetapi berimbang," jelas Guan Eng yang mengakhiri pembentangan tersebut dengan serangkap pantun berbunyi :

Pulau Mutiara digelar nama,
Pulau Pinang sudah ternama,
Rakyat majmuk hidup saksama,
Segala rahmat nikmat bersama.

●*sambungan di muka surat 3.*

# Bantuan ehsan ringan beban petani

Oleh : **YAP LEE YING & WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD & LAW SUUN TING**




**DR. Afif Bahardin (barisan belakang, lima dari kanan) bergambar kenangan bersama-sama golongan petani yang menerima bantuan ehsan bencana alam peringkat Daerah Barat Daya di sini baru-baru ini.**

**PAYA TERUBONG** - Kerajaan Negeri memperuntukkan bantuan ehsan bencana alam berjumlah RM112,951 kepada 218 petani sayur, buah-buahan dan padi yang terlibat dengan bencana di empat daerah di sini bagi meringankan beban ditanggung dan sekaligus menampung sebahagian kos kerugian yang dihadapi baru-baru ini.

Daripada jumlah tersebut, peruntukan bagi Daerah Barat Daya adalah berjumlah RM17,400 manakala bagi Seberang Perai Utara (SPU) (RM44,811), Seberang Perai Tengah (SPT) (RM3,250) dan Seberang Perai Selatan (SPS) (RM47,490).

Exco Pertanian dan Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin berkata, faktor tempoh peralihan monsoon di negeri ini baru-baru ini menyebabkan keadaan cuaca tidak menentu dan taburan hujan meningkat kepada 60 peratus dari paras normal sehingga menyebabkan banyak kawasan pertanian mengalami banjir.

"Justeru, bagi meringankan beban 23 petani di Daerah Barat Daya dan 196 membabitkan tiga daerah di Seberang Perai, Kerajaan Negeri telah memperuntukkan bantuan ehsan bencana alam yang keseluruhan berjumlah RM111,801 untuk disumbangkan kepada para petani terlibat," katanya pada Majlis Penyampaian Bantuan Ehsan Bencana Alam Peringkat Negeri Pulau Pinang di sini baru-baru ini.

Turut hadir, Pengarah Pertanian Negeri, Ahmad Munir Yusoff dan Penolong Pengarah Pertanian Negeri (Operasi), Zarina Ramli.

Menurut Afif, ekoran kejadian banjir baru-baru ini, seluas 34.1ha. kawasan projek tanaman sayur di Daerah Barat Daya telah terjejas dengan jumlah kerugian bernilai RM270,800 membabitkan 23 petani.

Tambahnya, bagi kawasan Seberang Perai adalah seluas 133.15ha. dan dianggarkan kerugian bernilai RM700,110 dengan jumlah petani terlibat adalah seramai 196 orang.

"Walaupun bantuan ini tidak seberapa, namun diharap sekurang-kurangnya ia dapat menaikkan semangat para petani untuk terus bekerja dan menyumbang kepada pengeluaran makanan negeri ini," ujar beliau yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seberang Jaya.

Dalam pada itu, Ahmad Munir memberitahu, jumlah sumbangan adalah berlainan kepada setiap petani bergantung kepada kerosakan dialami.

"Jumlah minimum sumbangan diterima adalah RM250 hasil peruntukan Kerajaan Negeri,'' jelasnya.



Bagi **Mahmud Ahmad,** 58, dari Permatang Rawa, Bukit Mertajam, SPT, beliau menganggap bantuan tersebut sebagai rezeki daripada Allah.

"Saya harap sistem perparitan akan diperbaiki bagi menyelesaikan masalah banjir di sini," katanya yang terpaksa menanggung kerugian kemusnahan dua hektar tanaman padi.



Bagi petani muda, **Rahizam Hassan,** 33, dari Kampung Masjid, Teluk Kumbar, beliau mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Negeri ekoran sumbangan diberikan.

"Ini merupakan kali pertama saya menerima bantuan ehsan seperti ini.

"Sebelum ini, memang setiap tahun petani di sini berdepan dengan masalah kerosakan tanaman ekoran kejadian banjir, namun tak teruk macam tahun ini.

"Dengan sumbangan diterima, harap ia sedikit-sebanyak dapat menampung kos kerugian yang berjumlah kira-kira RM25,000 dialami," katanya yang mengusahakan tanaman kacang panjang, bendi dan pisang di tanah seluas tujuh hektar.



Petani, **Tan Run Lee,** 21, berkata, banjir setinggi paras lutut yang berlaku telah menyebabkan beliau kerugian sebanyak RM15,000.

"Ladang saya yang berkeluasan enam hektar pertama kali dinaiki air pada banjir kali ini dan tanaman saya seperti bendi, timun dan kacang panjang musnah sama sekali" jelas petani dari Air Putih, Balik Pulau berkenaan.



**Anakili,** 52, dari Sungai Burung, Balik Pulau amat bersyukur dengan sumbangan diterima.

"Saya tidak menyangka bahawa kerajaan Negeri akan tampil membantu kami.

"Dalam kejadian baru-baru ini, semua tanaman kangkung, sawi, bayam, timun dan lain-lain sayuran musnah," ujarnya ketika ditemui.

# APMM perlu tingkat operasi rondaan - Afif

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**

**GEORGE TOWN** - Exco Pertanian, Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan. Dr. Afif Bahardin menggesa Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) untuk mempertingkatkan operasi rondaan bagi mengesan pergerakan bot-bot pukat tunda yang mencurigakan di perairan negeri ini.

Dalam kenyataan media yang dikeluarkan di sini baru-baru ini, Afif turut meminta APMM supaya tidak berkompromi dengan nelayan pukat tunda yang menjalankan aktiviti penangkapan ikan secara haram di Zon A.

"Saya menyeru APMM untuk mengambil tindakan tegas terhadap nelayan-nelayan bot pukat tunda ini dan juga terhadap anggota APMM yang didapati melepaskan mereka (nelayan bot pukat tunda) berkenaan," katanya.

Beliau berkata demikian ekoran himpunan aman membabitkan 500 nelayan bagi menyatakan ketidakpuasan terhadap penguatkuasaan APMM yang dipercayai tidak berkesan dalam mencegah pencerobohan pukat tunda di perairan negeri ini.

Ini kerana, ekoran sekatan yang longgar, ia telah menyebabkan stok ikan dan hasil laut semakin berkurangan serta menjejaskan pendapatan nelayan pantai.

Sekiranya disabitkan kesalahan, nelayan pukat tunda boleh dikenakan tindakan penggantungan lesen mengikut Seksyen 8(b) Akta Perikanan 1985 atas kesalahan melanggar syarat lesen menangkap ikan kurang daripada lima batu nautika dari darat.

Mengulas lanjut, Afif menyatakan bahawa nelayan pantai patut menerima layanan yang adil, saksama dan memastikan kepentingan mereka dihormati serta terus terjamin.

# Bajet 2014 – realistik & penuh tanggungjawab

●Dari muka surat depan

**APA YANG RAKYAT DAPAT DALAM BAJET 2014?**




### Memantapkan Agenda Ekonomi Saksama (AES)

● Pendapatan bulanan isi rumah akan dicukupkan RM790 mulai tahun depan, berbanding RM770 pada tahun 2013.

●RM75 juta untuk Program Keemasan (RM200 Anak Emas; RM100 Warga Emas, Ibu Tunggal, OKU, Pelajar Emas; dan RM1,000 waris warga emas meninggal dunia).

●RM100 Ibu Emas sepenuh masa (program baru).

●RM1.3 juta atau RM600 dalam dua bayaran tahun 2014 untuk pemandu teksi, teksi lapangan terbang dan kereta sewa. Julai lepas, RM300 telahpun dibayar kepada mereka.

### Memartabat Islam

●RM11.17 juta diperuntukan untuk pembangunan institusi masjid, surau dan Sekolah Agama Rakyat (SAR) supaya terus berdaya saing tahun lepas. Jumlah itu meningkat 9.3 peratus berbanding tahun 2013, iaitu berjumlah RM10.22 juta.

●Dua blok tambahan Kolej Islam Teknologi Antarabangsa Pulau Pinang (KITAB) yang bernilai RM6 juta akan dibina.

● Itu, tidak termasuk rancangan menubuhkan Lembaga Wakaf sebagai anak syarikat kepada Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) untuk memajukan aset wakaf.

### *Penang Free WiFi*

●1,550 lagi *hotspot Penang Free WiFi* dipasang mulai tahun depan dalam tempoh tiga tahun, selepas 1,550 *hotspots* siap dipasang pada Ogos 2012. Jumlah keseluruhan *hotspot* 3,100 unit.

### Cegah Jenayah

●RM3.2 juta pasang 180 CCTV mulai tahun ini dan tahun depan. 284 telahpun dipasang sebelum ini demi cegah jenayah.

### Penyelidikan

●RM25 juta untuk pendidikan sains dan teknologi melalui *Penang Science Cluster* dan Inisiatif Tech-Dome.

●RM4 juta untuk *Penang Institute* (PI) di bawah Prof. Datuk Dr. Woo Wing Thye untuk misi *Making Ideas Work*.

### Pendidikan

●Peruntukan tetap RM12 juta tetap kepada semua sekolah bantuan modal.

●Dengan kerjasama Kerajaan Pusat, sebuah Sekolah Kebangsaan Tamil akan dibina di kawasan Air Putih atas tanah seluas 3-5 ekar.

●Kerajaan Negeri sumbang tanah secara percuma jika Pusat setuju bina Sekolah Menengah Tamil di Bagan.

### Pemeriksaan Mamogram Percuma

● Peruntukan RM3.5 juta dengan sasaran pemulaan 52,000 wanita (daripada 867,000 orang keseluruhannya) berumur 35 tahun ke atas tahun depan.

### Pusat Dialisis CAT

● Setiap rawatan RM30 sahaja, kadar terendah.

●Satu Pusat Dialisis CAT dibina Balik Pulau dan mula beroperasi pada 10 Jun lepas. Manakala, satu lagi pusat serupa akan dibina Seberang Jaya.

### Tingkat pemilikan rumah Kos Rendah (KR) & Kos Sederhana Rendah (KSR)

● Kerajaan Negeri akan membina 385 unit KR di Mak Mandin dan Ladang Kaledonia, S.P. Chelliah (770 KSR), Teluk Kumbar (346 KSR), Jelutong (556 KSR), Pintasan Cecil (298 KSR), Bandar Cassia Batu Kawan (3,372 KSR), Kampung Jawa (353 KSR), Ampang Jajar (600 KSR), Bukit Mertajam (484 KSR) dan Juru (800 KSR).

● Fasa 1 Bandar Cassia mengandungi 520 unit siap dibina akhir tahun ini. Kira-kira 11,300 unit lain akan dibina secara berfasa dalam masa 10 tahun hingga 15 tahun.

● Kerajaan Negeri akan melancar projek membina 694 unit rumah mampu milik di Teluk Kumbar dan Kampung Jawa (707 unit) masing-masing pada Februari dan Mei tahun depan.

●Pelancaran projek membina 1,900 unit rumah di Jalan S.P. Chelliah pula dijangka pada akhir tahun ini.

●Itu, tidak termasuk kawasan-kawasan lain yang dikenal pasti seperti Jelutong (226 unit), Ampang Jajar (1,200), Bukit Mertajam (968 unit) dan Juru (1,600 unit).

● Kerajaan Negeri memperkenal Skim Pemilikan Bersama Pulau Pinang dengan kadar pinjaman tanpa riba 30 peratus daripada harga rumah memandangkan rakyat sukar untuk mendapatkan kelulusan pinjaman bank antara 90 peratus hingga 100 peratus.

### ●Tawar 30 peratus pinjaman tanpa riba

●Atas maksud itu, 104 unit rumah KR jenis *town house* di Taman Sungai Duri Permai dekat Seberang Perai Selatan (SPS) telahpun dibeli untuk dijual kepada pembeli yang berdaftar dengan Bahagian Perumahan Kerajaan Negeri.

● Pembeli hanya perlu meminjam 70 peratus harga pasaran rumah RM38,000 daripada bank, manakala, baki 30 peratus lagi adalah pinjaman tanpa faedah daripada Kerajaan Negeri.

### Sewa beli 51 KR

●Kadar sewa adalah RM100 sebulan dengan kos penyelenggaraan RM20 sebulan kepada mereka yang layak memohon pembelian 51 unit rumah pangsapuri di Taman Seruling Emas, SPS.

### Baik Pulih & Penyelenggaraan Perumahan

●RM15.8 juta untuk kerja menaik taraf lif, pendawaian semula, membaiki kerosakan bumbung, mengatasi keretakan di tujuh Kompleks Rancangan Perumahan Awam di Pulau Pinang. Tahun 2013, peruntukan sama berjumlah RM12.5 juta sahaja.

### Pergerakan Kewanitaan

●Perbandanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang (PWDC) menubuhkan Briged Wanita Pulau Pinang dengan anggaran keahlian di kelima-lima daerah berjumlah 1,500 orang.

●Pergerakaan kewanitaan itu akan menjadi pemudahcara kepada semua wanita berumur 35 tahun dan ke atas menjalani pemeriksaan payudara secara percuma, selain, membantu urusan pendaftaran suri rumah sepenuh masa untuk menerima sumbangan RM100 Program Ibu Emas.

### Pembangunan Belia & Sukan

● RM250,000 untuk mengembangkan kegiatan sukan di kelima-lima daerah bermula tahun depan.

●Naik kadar bayaran insentif sebanyak 50 peratus untuk pemenang di kejohanan Sukan Malaysia (SUKMA) bermula tahun lepas.

● *Fitness centre* akan dibangunkan di Tingkat 47, Komtar untuk kakitangan kerajaan.

●Dengan kerjasama Yayasan ECM Libra, Kerajaan Negeri membina *Penang Youth Learning Centre* bernilai RM4 juta di Kampung Buah Pala.

### Pertanian & Perikanan

●Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) Juru di Seberang Perai Tengah (SPT) seluas 115.2 hektar dan Zon Industri Akuakultur (ZIA) Penaga, Seberang Perai Utara (SPU) seluas 277.6 hektar akan dibangunkan sepenuhnya dalam usaha Kerajaan Negeri untuk menjadi jaguh dalam pengeluar agromakanan Negara.

●Pemberian bantuan pukat pantai kepada 2,981 nelayan berdaftar dengan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) di seluruh Negeri Pulau Pinang melibatkan peruntukan RM1.6 juta.

●Merancang pemberian dana Tabung Usahawan Tani Muda berjumlah RM5,000 seorang mulai tahun 2014 kepada bakal usahawan-usahawan tani muda dari seluruh negeri dalam bentuk mikrokredit.

### Memperkukuh Penyampaian Perkhidmatan Awam

●Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri, Jabatan Kewangan Negeri, MAINPP, Pejabat Tanah dan Daerah Barat Daya, Pejabat Tanah dan Galian (PTG), Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) dan Perbadanan Perpustakaan Awam Pulau Pinang (PBAPP) dianugerah sebanyak RM15,000 kerana masing-masing berjaya mencapai penarafan empat bintang.

### Bonus untuk kakitangan awam

●Pemberian bonus tahunan 2013 setengah bulan gaji dengan minimum RM700 dibayar lebih awal, iaitu pada Disember ini. Guru dan penyelia KAFA akan diberi RM400 seorang.

● Menjelang Hari Raya Aidilfitri lepas, 3,910 penjawat awam telahpun menerima bonus raya setengah bulan gaji dengan minimum RM600. Guru dan penyelia KAFA menerima RM300 seorang. Kesemuanya menelan belanja RM4.4 juta.

● Itu tidak termasuk, pemberian bonus 2013 setengah bulan gaji dengan bayaran minimum RM500 yang dibayar pada awal Januari tahun depan, sebagaimana diumumkan Kerajaan Pusat.

●Keseluruhan pemberian bonus oleh Kerajaan Negeri kepada penjawat awam bagi tahun 2013 adalah satu bulan gaji.

●RM400 kepada guru dan penyelia KAFA.

### ●Elain JKKK naik

●Elaun bulanan Pengerusi dan Setiausaha Jawatankuasa Kemajuan dan Keselematan Komuniti (JKKK) masing-masing dinaikkan RM200, menjadi RM650 dan RM550 bermula Januari tahun depan.

●Pengurusan 287 JKKK bagi tahun 2013 berjumlah RM5.73 juta, iaitu tambahan RM1.38 juta daripada peruntukan tahun itu.

●Elaun bulanan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) dinaikkan menjadi RM6,000 berbanding sebelum ini, RM4,112.79 sahaja berkuatkuasa Januari tahun depan.

● Elaun bulanan Ketua Pembangkang Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang dinaikan menjadi RM2,000 berbanding sebelum ini, RM1,000 sahaja.

Rang Undang-undang Perbekalan dan Usul Anggaran Pembangunan 2014 di Persidangan Dewan Undangan Negeri.

# P. Pinang had 10 tahun pindah milik rumah – KM

**GEORGE TOWN** - Rumah kos rendah dan sederhana rendah yang dibina kerajaan dilarang pindah milik dalam tempoh 10 tahun daripada tarikh perjanjian jual beli dilakukan, manakala, larang sama untuk rumah dibina pihak swasta dilanjutkan daripada tempoh lima tahun kepada 10 tahun.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, langkah itu demi memastikan penjualan rumah dalam tempoh 10 tahun tersebut adalah kepada pembeli tersenarai *(listed buyer)*.

Menurut beliau, Jawatankuasa Pembersihan dan Peningkatan Mutu Pemilihan Perumahan (SPECS) ditubuhkan sejak bulan Jun lepas bagi memastikan proses pengagihan rumah kos rendah (KR) dan rumah kos sederhana rendah (KSR) dibuat secara adil dan telus.

"Inilah kali pertama dalam sejarah Malaysia sebuah syarikat perakuan akan dilantik untuk tujuan sedemikian," ujarnya semasa membentangkan Rang Undang-undang Perbekalan dan Usul Anggaran Pembangunan 2014 di Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang di sini baru-baru ini.

Berkenaan perumahan kategori rumah mampu milik pula, Guan Eng berkata, Kerajaan Negeri memutuskan bahawa harga maksima perumahan di Pulau Pinang ditetapkan pada RM400,000, manakala, harga maksimum RM250,000 bagi hartanah serupa di Seberang Perai.

"Seseorang pembeli rumah mampu milik tidak dibenarkan memiliki rumah sebelum ini.

"Unit (rumah) mampu milik boleh dibeli oleh pemilik KS dan KSR sebagai penaiktarfan dengan syarat menjual rumah asalnya.

"Dengan erti kata lain, hanya satu unit perumahan mampu milik dibenarkan dimiliki oleh seseorang pada bila-bila masa," jelas beliau yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Putih.

## Bonus minimum RM700 Dis. ini

**GEORGE TOWN** - Hampir 4,000 penjawat awam akan menerima bonus setengah bulan gaji dengan minimum RM700 bagi tahun 2013 lebih awal, iaitu pada Disember ini.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng semasa membentangkan Bajet 2014 Pulau Pinang berkata, pembayaran bonus lebih awal itu diharap dapat membantu penjawat awam membuat persiapan anak-anak ke sekolah.

"(Bonus) yang akan dibayar bukan pada Januari 2014, tetapi, pada Disember semasa 2013," ujarnya di Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang di sini baru-baru ini.

Tambah beliau, guru-guru dan penyelia Kelas Agama dan Fardhu Ain (KAFA) turut akan menerima bonus RM400 seorang.

Terdahulu, 3,910 penjawat awam menerima bonus setengah bulan gaji dengan minimum RM600 sempena menyambut Hari Raya Aidilfitri.

Guru-guru dan penyelia KAFA turut menerima RM300 'bonus duit raya'.

Guan Eng berkata, kesemua pemberian bonus itu menelan belanja sebanyak RM4.4 juta.

Menurut beliau, pemberian bonus bagi tahun 2013 yang bakal diterima pada Disember ini sekaligus menyamai bonus satu bulan gaji.

## Kerajaan Negeri iktiraf jasa Pandikar Amin

oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**



**PANDIKAR Amin Mulia beramah mesra dengan Ketua Menteri selepas selesai upacara penganugerahan pingat di sini baru-baru ini.**

**GEORGE TOWN** - Speaker Dewan Rakyat, Tan Sri Pandikar Amin Mulia dikurniakan Darjah Utama Pangkuan Negeri (DUPN) yang membawa gelaran Datuk Seri Utama pada Istiadat Pengurniaan Darjah Kebesaran Bintang dan Pingat Negeri Khas baru-baru ini.

Istiadat yang berlangsung di Seri Mutiara di sini itu disempurnakan Tuan Yang Terutama (TYT), Tun Abdul Rahman Abbas.

Pandikar Amin, 58, adalah penerima tunggal bagi gelaran tersebut dengan mendahului senarai 1,085 penerima lain sempena sambutan Ulang Tahun Ke-75 Abdul Rahman pada 26 Ogos lalu.

Beliau ketika ditemui memuji Kerajaan Negeri Pulau Pinang kerana mengamalkan satu demokrasi yang baik dengan mengiktiraf jasanya walaupun berlainan ideologi politik.

"Pengiktirafan ini mungkin kerana saya berjaya menghadapi tugas sukar dalam mengawal suasana Dewan Rakyat yang diketahui umum selalunya 'panas' dengan pelbagai isu," katanya ketika ditemui di sini baru-baru ini.

Dalam pada itu, Timbalan Panglima Tentera Darat, Datuk Seri Ahmad Hasbullah Mohd. Nawi dan Ketua Pengarah Kementerian Kesihatan, Datuk Dr. Noor Hisham Abdullah dikurniakan Darjah Yang Mulia Pangkuan Negeri (DMPN) yang membawa gelaran Datuk.

Darjah Setia Pangkuan Negeri (DSPN) dikurniakan kepada Ketua Eksekutif Genting Hong Kong Limited, Datuk Chua Ming Huat dan bekas Pengarah Pertanian Negeri Kedah, Datuk Syed Farooq Syed Fadzil Bosri yang juga membawa gelaran Datuk.

Hadir sama, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng, Timbalan Ketua Menteri II, Prof. P. Ramasamy, Speaker Dewan Undangan Negeri (DUN), Datuk Law Choo Kiang dan barisan Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri.

## Kempen Tandas Bersih perlu komitmen rakyat – Exco

oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**

**PANTAI JEREJAK** - Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow berkata, Kempen Tandas Bersih yang dilaksanakan Kerajaan Negeri saban tahun tidak akan berjaya secara holistik sekiranya tidak mendapat komitmen daripada rakyat di negeri ini sendiri.

"Masalahnya ialah mentaliti rakyat tidak banyak berubah, walaupun usaha-usaha sedang dibuat untuk memperbaiki keadaan tandas di sini (Pulau dan Seberang Perai).

"Rakyat perlu komited untuk mengubah cara mereka," ucapnya mewakili Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng pada Majlis Sambutan Hari Tandas Sedunia Peringkat Negeri Pulau Pinang 2013 di sini baru-baru ini.

Pengerusi Perhubungan Awam bagi Persatuan Bilik Air Berkualiti Malaysia (QRAM), Sharifah Suzana Simmonds turut memberi penerangan khas mengenai Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) mengisytiharkan 19 November saban tahun sebagai Hari Tandas Sedunia.

Hadir sama, Exco Pertanian, Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin, John Loo (Penasihat QRAM Pulau Pinang), Ar. Ang Aing Thye (Setiausaha bagi Majlis Perbandaran Pulau Pinang, MPPP), Maimunah Mohd. Sharif (Yang di-Pertua Majlis Perbandaran Seberang Perai, MPSP) dan Adi Kasuma Kailan (Penolong Pegawai Pendidikan Daerah Timur laut).

Kon Yeow berkata, tandas yang bersih sebenarnya adalah salah satu aras tanda *(bench mark)* bahawa rakyat di negeri ini benar-benar mempunyai mentaliti komuniti pintar bertaraf antarabangsa atau sebaliknya.

Dua klip video kempen kesedaran turut dilancarkan bersempena majlis sambutan kali ini.



**CHOW Kon Yeow (barisan belakang, enam dari kiri) merakam gambar kenangan bersama-sama barisan pemenang pertandingan Tandas Bersih Pulau Pinang 2013 di sini baru-baru ini.**

Tidak cukup dengan itu, hadirin turut dihiburkan dengan persembahan *choral speaking* pelajar Sekolah Kebangsaan Seri Sentosa dekat Seberang Perai Selatan (SPS), iaitu johan Pertandingan Kokurikulum Akademik Kelompok R21.

Dalam perkembangan sama, Kon Yeow turut menyempurna majlis penyampaian sumbangan tunai kepada pemenang Pertandingan Tandas Bersih dalam lapan kategori, iaitu Jabatan Kerajaan, Restoran, Kedai Makanan, Stesen Minyak, Pusat Membeli Belah, Tandas Awam Milik Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Sekolah Rendah dan Sekolah Menengah.

# PBIM 2013 pecah rekod penyertaan larian jambatan

Oleh: **NORSHAHIDA YUSOFF**

**BAYAN LEPAS** – Larian Antarabangsa Jambatan Pulau Pinang 2013 (PBIM) baru-baru ini melakar sejarah tersendiri apabila berjaya melakar rekod terbaru kategori Larian Jambatan Terbesar di Malaysia hasil penyertaan lebih 47,000 peserta dari dalam dan luar negara.

Catatan rekod tersebut memecah rekod sedia ada yang turut dipegang PBIM dua tahun sebelum ini bagi kategori sama.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng yang hadir pada majlis perasmian PBIM 2013 berkata, penganjuran program berkenaan merupakan acara sukan paling terkenal di Malaysia dan juga termaktub di dalam *Malaysia Book of Records* sebagai 'Larian Jambatan yang Terbesar di Malaysia'.

"Hari ini, dengan bangganya anda (peserta-peserta larian) adalah sebahagian yang memecah rekod sedia ada dengan lebih 47,000 penyertaan berbanding tahun lalu (2012), (34,500).

"Saya percaya semangat yang ada adalah satu kepuasan kepada para peserta. Seperti pepatah oleh John Bingham yang mengatakan, 'Keajaiban bukanlah terletak apabila selesai tetapi keajaibannya adalah apabila kita berani untuk memulakan sesuatu'," katanya di sini baru-baru ini.

Acara tahunan yang memperoleh liputan meluas serata dunia tersebut menerima hampir 20,000 peserta dari luar Pulau Pinang dan 3,000 dari luar negara antaranya Kenya, Zimbabwe, United Kingdom dan Amerika Syarikat.

Hadir sama, Timbalan Ketua Menteri I, Datuk Mohd. Rashid Hasnon, Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy dan barisan Exco Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

Dalam pada itu, bagi Philip Chirchir Lagat, 56, dari Kenya yang mengungguli kategori Marathon Lelaki Veteran dengan catatan masa 2:24:40, beliau menyatakan bahawa pembabitannya dalam acara larian marathon adalah hampir 30 tahun.

"Tahun lepas juga saya telah menang peringkat yang sama. Catatan masa terbaik ialah ketika menyertai Marathon Australia," ujarnya di sini baru-baru ini.

Bagi pemenang utama cabutan bertuah yang menawarkan sebuah kereta *Honda City,* Heah Sock San, 21, beliau sangat terkejut dengan 'kemenangan' tidak disangkanya.

"Saya telah renyuk kupon cabutan bertuah sebab menyangka akan pulang dengan tangan kosong, sebaliknya nombor saya diumumkan memenangi hadiah utama cabutan bertuah," jelas pelajar Perakaunan yang berasal dari Nibong Tebal tersebut di sini.




**PULUHAN ribu peserta mengambil bahagian dalam penganjuran PBIM 2013.**



**HEAH Sock San (empat dari kanan) mengangkat tinggi replica kunci *Honda City* dimenanginya sambil ditemani Ketua Menteri, Mohd. Rashid Hasnon (empat dari kiri) dan barisan Exco Kerajaan Negeri pada Majlis Penyampaian Hadiah PBIM 2013 di sini baru-baru ini.**

# Larian obor tanda sokongan atlet Sukan SEA

**BAYAN BARU** – Sebagai sokongan kepada para atlet yang bakal beraksi di Sukan SEA ke-27 Myanmar, kempen mengumpul lebih 2.7 juta tandatangan diadakan seiring dengan berlangsungnya Larian Jambatan Pulau Pinang 2013 (PBIM) baru-baru ini di sini.

Syarikat produk minuman di bawah jenama Nestle, Milo Malaysia yang berkolaborasi dengan PBIM turut menganjurkan Larian Obor Kibaran Tenaga Milo sempena temasya berkenaan.

Pengarah Eksekutif Nestle Malaysia, Ho Hau Chieh berkata, adalah penting sebagai rakyat Malaysia untuk tunjukkan sokongan dan galakkan kepada para atlet negara demi memberikan semangat kepada perjalanan sukan mereka.

"Seiringan dengan penganjuran PBIM ini, sedikit-sebanyak inisiatif yang bertujuan memberi dorongan mampu membakar semangat para kontinjen negara yang bakal berentap nanti.

"Setakat ini, kami (Nestle Malaysia) telah mengumpul hampir 500,000 ikrar dan sokongan daripada rakyat Malaysia. Saya percaya kita mampu mengutip lebih 2.7 juta tandatangan kelak," ujarnya pada Larian Obor Kibaran Tenaga Milo sempena Sukan SEA ke-27 Myanmar yang bakal berlangsung pada 11 hingga 22 Disember ini di sini baru-baru ini.

Pada majlis tersebut, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng mengetuai larian obor berkenaan sebagai simbolik majlis diadakan.

Hadir sama, Timbalan Ketua Menteri I, Datuk Mohd. Rashid Hasnon dan Exco Pembangunan Pelancongan, Law Heng Kiang.

Guan Eng dalam pada itu turut diberi penghormatan melepaskan peserta PBIM 2013 dan menyalakan kawah obor khas sempena Larian Obor Kibaran Tenaga Milo di sini.




**KETUA Menteri sambil memegang tinggi obor mengetuai Larian Obor Kibaran Tenaga Milo di sini baru-baru ini.**

# Persetujuan laksana SBEZ galak pertumbuhan IMT-GT

Oleh: **AHMAD ARAFAT ESAH**

**GEORGE TOWN –** Pembentangan kertas kerja *Asia Development Bank* (ADB) bagi mewujudkan Zon Ekonomi Sempadan Khas (SBEZ) dalam Kawasan Pertumbuhan Segi Tiga Indonesia-Malaysia-Thailand (IMT-GT) memperoleh persetujuan negara-negara anggota di sini baru-baru ini.

Penubuhan zon tersebut adalah bagi menggalakkan kerjasama serantau selain membantu merancakkan perdagangan, pemasaran, pelaburan dan pekerjaan dalam kalangan negara-negara anggota.

Ketua Menteri Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng dalam sidang media berkata, IMT-GT memutuskan untuk membenarkan ADB yang berperanan memberi pinjaman kepada pihak-pihak memerlukan kepakaran ekonomi bagi melaksanakan cadangan SBEZ tersebut.

Menurutnya, Pulau Pinang juga boleh mendapat perkembangan positif dari SBEZ kerana kini negeri tidak mempunyai projek-projek tertentu di bawah IMT-GT.

"Projek-projek ini akan memberi manfaat kepada wilayah-wilayah lain di kawasan sempadan di segi tiga pertumbuhan.

"Pulau Pinang boleh rujuk kepada ADB dan lain-lain negara anggota IMT-GT untuk mendapat idea-idea pembelajaran baru serta pengalaman dan menggunakannya sebagai jambatan untuk menjalankan projek-projek yang menggalakkan kerjasama serantau," katanya pada Forum Lawatan Ketua-ketua Menteri dan Gabenor-gabenor (CMGF) IMT-GT Ke-Empat di sini baru-baru ini.

Bersempena penganjuran berkenaan, ADB membentangkan empat kertas kerja dan masing-masing satu dari Universiti Sains Malaysia (USM), Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) dan *investPenang* (iP), *Penang Global Tourism* (PGT) serta *Penang International Halal Hub* (PIHH).



SALAH satu pembentangan kertas kerja pada Forum Lawatan CMGF IMT-GT Ke-Empat di sini baru-baru ini.

Dalam pada itu, Pengerusi IMT-GT, Datuk Faudzi Naim Noh memberitahu bahawa SBEZ bakal melibatkan semua 32 provinsi dan akan bekerjasama dengan Program Transformasi Ekonomi Sempadan yang diselaraskan Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA).



KETUA Menteri dan Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Abdul Malik Abul Kassim (dua dari kiri) pada penganjuran forum.

"Ia akan melibatkan bandar-bandar sempadan seperti Kelantan, Perak dan Kedah yang berhampiran sempadan Malaysia-Thailand bagi menggalakkan perdagangan dua hala.

"Serentak itu, hubungan maritim antara tiga negara akan ditingkatkan," nyata Faudzi.

## Lakukan terbaik walau terima peruntukan terhad

**GEORGE TOWN –** Kerajaan Negeri Pulau Pinang akan terus melakukan yang terbaik bagi memulihara Tapak Warisan UNESCO George Town walaupun menerima pembiayaan terhad daripada Kerajaan Persekutuan untuk tujuan tersebut, kata Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng.



HAMDAN Abdul Majeed (tiga dari kiri) saling bertukar-tukar dokumen perjanjian dengan Luis Monreal (dua dari kanan) sambil disaksikan Ketua Menteri pada Majlis Menandatangani MoU Antara Think City dan AKTC di sini baru-baru ini.

Beliau berkata demikian pada Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) Antara Think City Sdn. Bhd. (Think City) dan *Aga Khan Trust for Culture* (AKTC) yang merupakan agensi kebudayaan kepada *Aga Khan Development Network* (AKDN) iaitu sebuah syarikat yang bertanggungjawab meluaskan pembangunan manusia - ekonomi - dan sosio budaya di sini baru-baru ini.

Menurutnya, pada tahun 2009, sebanyak RM50 juta diperuntukkan Kerajaan Persekutuan untuk membantu memelihara dan memulihara dua tapak warisan iaitu Melaka dan George Town, Pulau Pinang.

"Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM30 juta telah diserahkan secara terus kepada Kerajaan Negeri Melaka, manakala baki RM20 juta untuk negeri Pulau Pinang diserahkan kepada anak syarikat di bawah Khazanah Nasional Bhd., Think City bagi tujuan pemuliharaan dan pemeliharaan di sini.

"Justeru, kami (Kerajaan Negeri) berharap agar Kerajaan Persekutuan dapat menambah peruntukan sebanyak RM20 juta lagi kepada Think City kerana buat masa ini, peruntukan yang ada hanya berbaki RM2 juta," katanya di sini baru-baru ini.

Ekoran pemeteraian MoU berkenaan, AKTC dan Think City dapat sama-sama berkongsi kepakaran dalam membantu mengintegrasikan kerja serta perancangan awal yang telah dilaksanakan pihak berkuasa tempatan (PBT) dan profesional ke tahap lebih tinggi.

Pelan strategik tersebut adalah bertujuan mengenalpasti cara-cara untuk melindungi dan meningkatkan keindahan bangunan-bangunan bersejarah di negeri ini.

Malah, kerjasama tersebut juga akan bakal membolehkan kedua-dua pihak (AKTC dan Think City) memberi yang terbaik dalam amalan perancangan untuk meningkatkan pembangunan teras masa depan George Town.

*Think City* diwakili Pengarah Eksekutifnya, Hamdan Abdul Majeed manakala AKTC diwakili Pengarah Urusan, Luis Monreal.

Guan Eng memberitahu, sebanyak 200 projek pertumbuhan semula bandar telah dilaksanakan di bawah *Think City's George Town Grants Program*.

"Antara projek-projek ini adalah pemulihan kubah Masjid Kapitan Keling, pemuliharaan *Seven Terrace*, menaiktaraf rumah Cheah Kongsi, skim penanaman pokok di sepanjang Jalan Carnarvon serta projek pembangunan *Little India*," jelas beliau.




KETUA Menteri, Mohd. Rashid Hasnon (lapan dari kanan) dan Abdul Malik Abul Kassim (enam dari kiri) bergambar kenangan bersama-sama delegasi pada Majlis Makan Malam Forum Lawatan CMGF IMT-GT Ke-Empat di sini baru-baru ini.

## Makan malam rai delegasi IMT-GT CMGF

**BERMAKNA....** Bagi menyambut penyertaan kira-kira 200 peserta Forum Lawatan Ketua-ketua Menteri dan Gabenor-gabenor (CMGF) Pertumbuhan Segi Tiga Indonesia – Malaysia -Thailand (IMT-GT) Ke-Empat baru-baru ini, sebuah majlis makan malam khas telah dianjurkan tuan rumah, Pulau Pinang.

Pada majlis tersebut, pelbagai pertunjukkan kebudayaan negeri yang julung kali terlibat dalam penganjuran berkenaan dipersembahkan melalui tarian dan nyanyian. Turut dipersembahkan adalah lagu-lagu popular tiga negara.

Berucap pada majlis tersebut adalah Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng dan Exco Hal Ehwal Agama Islam, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Abdul Malik Abul Kassim. Turut hadir, Timbalan Ketua Menteri I, Datuk Mohd. Rashid Hasnon.

CMGF IMT-GT Ke-Empat berlangsung selama tiga hari bagi membincangkan isu-isu serantau seperti pelancongan, pemuliharaan alam sekitar, industri halal, ekonomi dan pengangkutan.

# MPPP tambah pokok teduh di Datuk Keramat

Oleh: **ZAINULFAQAR YAACOB**

**DATUK KERAMAT –** Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) siap menanam 80 lagi pokok teduhan di sepanjang 400 meter Jalan Datuk Keramat sebagai kelangsungan fasa dua Projek Menghijaukan Bandar di sini baru-baru ini.

Menurut Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow, sebanyak 180 pokok teduhan pelbagai jenis telahpun ditanam di sini sebelum ini, di bawah fasa satu projek yang sama.

"Kami (Kerajaan Negeri) bercita-cita mengubah George Town menjadi sebuah bandar yang hijau suatu hari nanti," ujarnya di sini baru-baru ini sambil memberitahu bahawa kos projek terbaru itu adalah berjumlah RM225,120.

Pengarah Rekreasi, Pelancongan dan Perhubungan Antarabangsa MPPP, Mohamed Akbar Mustapha turut serta dalam sidang media itu.

Kon Yeow yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Kota berkata, MPPP akan menanam 5,000 lagi pokok renek di George Town demi mengindahkan pusat bandar Pulau Pinang tersebut.

Sebelum itu, Mohamed Akbar memberitahu, Simpoh Gajah, Mendulang Daun bujur , Nyatoh adalah empat jenis pokok teduhan yang ditanam di bawah fasa dua projek tersebut sejak awal November lepas.

Dalam perkembangan sama, Kon Yeow dan Mohamed Akbar masing-masing menanam anak pokok teduhan di pembahagi Jalan Datuk Keramat sebagai gimik menyempurna fasa dua projek berkenaan.



**CHOW Kon Yeow (depan, kiri sekali) memegang pokok ditanamnya sambil diperhatikan Mohamed Akbar Mustapha (kanan sekali) berhubung pengimplementasian Projek Menghijaukan Bandar di sini baru-baru ini.**

## Pesta P. Pinang 2013 janji karnival ekstravaganza

oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**

**SUNGAI NIBONG –** Persembahan bunga api berwarna-warni menyinari setiap pelusuk tapak pesta pastinya memberi memori indah kepada pengunjung Pesta Pulau Pinang 2013, ucap Timbalan Ketua Menteri I, Datuk Mohd. Rashid Hasnon pada majlis pelancarannya di sini baru-baru ini.



**ABDUL Rahman Abbas (depan, kiri) bersalaman dengan pengunjung cilik sambil ditemani isteri dan dif-dif kehormat yang lain pada Majlis Perasmian Pesta Pulau Pinang 2013 di sini baru-baru ini.**

Justeru, Mohd. Rashid yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pantai Jerejak mengajak warga tempatan untuk meluangkan masa bersama keluarga di penganjuran tersebut.

Katanya, selain menikmati keseronokan karnival ekstravaganza selama sebulan, pengunjung juga pastinya akan dihiburkan dengan pelbagai acara termasuk acara kebudayaan dan kesenian.

"Malah, dengan lebih 133 buah gerai yang terdapat di sini, pengunjung juga dapat menikmati pelbagai jenis makanan popular di Pulau Pinang," ujarnya di sini.

Pesta Pulau Pinang 2013 yang berlangsung dari 25 November lalu sehingga 31 Disember ini dirasmikan Yang Di-Pertua Negeri (TYT) Tun Abdul Rahman Abbas dan isteri, Toh Puan Majimor Shariff.

Hadir sama, Speaker Dewan Undangan Negeri, Datuk Law Choo Kiang dan isteri, Exco Hal Ehwal Agama Islam, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Abdul Malik Abul Kassim dan isteri, Pegawai Kewangan Negeri, Datuk Mokhtar Mohd. Jait dan isteri serta barisan kepimpinan Kerajaan Negeri yang lain.

Jom Pi Pesta Pulau Pinang..!

## Dewan serbaguna setaraf antarabangsa di Seberang Jaya

oleh : **AHMAD ADIL MUHAMAD**



**ISMAIL Ishak (dua dari kiri) menerangkan pelan pembinaan projek dewan serbaguna di Seberang Jaya kepada Soon Lip Chee (kiri sekali) pada sesi lawatan tapak projek di sini baru-baru ini.**

**SEBERANG JAYA –** Bandar Seberang Jaya bakal menjadi tumpuan apabila cadangan membina sebuah dewan serbaguna bersebelahan Kolam Renang Awam Seberang Jaya siap sepenuhnya pada Ogos tahun hadapan.

Pengarah *Penang Development Corporation Consultancy* (PDCC) yang bertanggungjawab dalam penyeliaan operasi, Soon Lip Chee berkata, projek tersebut diumumkan Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng pada awal tahun ini.

"Projek yang menelan belanja sebanyak RM11.1 juta ini dimulakan pada 19 Ogos lalu di atas tanah seluas 4.9 ekar milik Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) dan Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC).

"Skop projek ini adalah untuk membina bangunan dewan dua tingkat yang dapat menampung sehingga 1,000 orang dalam satu masa dan 500 lot tempat letak kereta," katanya ketika mengadakan lawatan tapak projek di sini baru-baru ini.

Turut hadir sama, Pegawai Superintenden yang menyelia projek berkenaan, Ismail Ishak.

Tambah beliau, apabila projek yang dibina oleh syarikat Lumson Bina Engineering Sdn. Bhd. berkenaan siap sepenuhnya, ia akan diurus dan diselia pihak PDC.

Tambah Lip Chee, lawatan ke tapak projek terbabit adalah bagi memastikan kelancaran perjalanan projek memandangkan cuaca yang tidak menentu kebelakangan ini.

"Daripada lawatan ini, boleh disimpulkan bahawa sebanyak 6.24 peratus perjalanan projek telah dicapai merangkumi pembersihan tapak projek, pemindahan tanah ke tapak projek dan juga penanaman cerucuk," jelas beliau.

Dalam pada itu, Ismail memberitahu, keadaan cuaca yang sering hujan telah menyebabkan proses perjalanan projek terlewat selama 13 hari, namun masih lagi tidak menjejaskan tarikh siap yang ditetapkan iaitu pada 18 Ogos 2014.

"Kita masih lagi dalam proses dan optimis projek ini akan siap sepenuhnya dalam tempoh masa 12 bulan pembinaan seperti yang ditetapkan," ujar Ismail.

# ADUN Seberang Jaya sedia beri khidmat terbaik

Oleh: **AHMAD ADIL MUHAMAD**

**SEBERANG JAYA –** Majlis Perasmian Pusat Khidmat Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seberang Jaya di sini baru-baru ini membuktikan bahawa ADUN baru itu bersedia mencurahkan keringatnya kepada rakyat yang telah mengundi beliau pada Pilihanraya Umum Ke-13 yang lalu.

ADUNnya, Dr. Afif Bahardin berkata, majlis perasmian tersebut adalah untuk memaklumkan kepada penduduk Seberang Jaya bahawa beliau bersedia menjalankan tugas sebagai ADUN di situ walaupun pusat khidmat tersebut sudah mula beroperasi sejak Oktober lepas.

"Biarpun saya masih muda, tetapi saya komited untuk menjalankan tanggungjawab sebagai ADUN dan melaksanakan amanat yang diberi oleh rakyat dengan sebaiknya.

"Saya harap dapat berkerjasama dengan penduduk Seberang Jaya untuk sama-sama menyelesaikan masalah rakyat di sini," ujarnya pada Majlis Perasmian Pusat Khidmat ADUN Seberang Jaya di sini baru-baru ini.

Majlis tersebut disempurnakan Ahli Parlimen Permatang Pauh, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Hadir sama, Timbalan Ketua Menteri I, Datuk Mohd. Rashid Hasnon, Lee Khai Loon (ADUN Machang Bubuk) dan Abdul Jalil Che Ros (Ahli Majlis Majlis Perbandaran Seberang Perai, MPSP).

Dalam perkembangan sama, seramai 135 Ahli Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) dalam kawasan Seberang Jaya menerima watikah pelantikan bagi sesi 2013/2014 bersempena dengan perasmian pusat khidmat tersebut.

Menurut Afif, ahli JKKK di kawasan terbabit banyak membantunya semenjak menjadi ADUN dalam menangani masalah dihadapi rakyat.

Pusat khidmat bertempat di Taman Siakap di sini beroperasi pada setiap hari bekerja bermula jam 9 pagi hingga 5 petang.

Hari Jumaat dibuka dari jam 9 pagi hingga 12 tengah hari dan tutup pada Sabtu, Ahad dan cuti umum.

Sesi bersama ADUN adalah pada setiap hari Selasa dari jam 9 malam hingga 11 malam dan Khamis, 2 petang hingga 5 petang.



DR. Afif Bahardin (kanan) menyampaikan cenderamata kepada Anwar Ibrahim sempena Majlis Perasmian Pusat Khidmat ADUN Seberang Jaya di sini baru-baru ini.

# Jelajah 'Penang Sihat' tawar pemeriksaan kesihatan percuma

Oleh: **NORSHAHIDA YUSOFF**

**GEORGE TOWN –** Penduduk di kawasan bandar dan pedalaman kini boleh mendapatkan pemeriksaan kesihatan secara percuma di klinik bergerak yang dilancarkan baru-baru ini sempena program 'Penang Sihat' di sini.

Program hasil kolaborasi Kerajaan Negeri, Jabatan Kesihatan Negeri, pihak berkuasa tempatan (PBT) dan beberapa badan bukan kerajaan (NGO) tersebut menfokuskan kepada pemeriksaan kesihatan serta mempromosikan gaya hidup sihat dalam kalangan orang awam.

Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin berkata, program tersebut bakal dijalankan sebulan sekali melibatkan beberapa doktor dan kumpulan paramedik.

"Program sebegini banyak diminta Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) kawasan supaya diwujudkan satu pasukan perubatan yang dapat datang ke kawasan kampung dan bandar untuk berikan pemeriksaan kesihatan percuma.

"Kumpulan ini bukan sahaja akan jalankan pemeriksaan kesihatan tetapi cuba untuk membangkitkan kesedaran masyarakat tempatan tentang bahaya penyakit *non-communicable disease* (NCD)," katanya di sini

Menurut Afif, program tersebut akan dijalankan sebulan sekali pada hujung minggu dengan melibatkan komuniti setempat dan bakal menjelajah seluruh Pulau Pinang.

Turut diadakan adalah aktiviti gotong-royong, pameran bahaya denggi dan penjagaan kesihatan.

Mengulas lanjut, beliau memberitahu, selain menjalankan pemeriksaan kesihatan secara percuma, pameran, ceramah, bimbingan dan nasihat secara sukarela turut akan diberikan.

# 8 usahawan terima sumbangan bantuan peralatan

Oleh: **WATAWA NATAF ZULKIFLI**

**PANTAI JEREJAK –** Seramai lapan pengusaha Industri Kecil dan Sederhana (IKS) menerima bantuan peralatan peningkatan ekonomi dalam bidang penghasilan makanan bersempena Karnival Santai Rakyat Usahawan dan Koperasi Peringkat Daerah Barat Daya di sini baru-baru ini.

Timbalan Ketua Menteri I, Datuk Mohd. Rashid Hasnon berkata, bantuan tersebut diharap dapat meningkatkan ekonomi para pengusaha di samping meringankan beban masing-masing dalam penghasilan produk.

"Sumbangan Kerajaan Negeri ini diharap akan dimanfaatkan sepenuhnya oleh para pengusaha untuk lebih gigih dan kuat berusaha dalam meningkatkan taraf ekonomi masing-masing," ujarnya yang menyempurnakan majlis penyampaian sumbangan berkenaan di sini baru-baru ini.

Karnival anjuran Pejabat Timbalan Ketua Menteri I bersama Pejabat Daerah dan Tanah Barat Daya serta syarikat pengurusan program, *ZHB Entertainment* yang berlangsung selama 10 hari dari 22 November itu adalah berkonsepkan pesta jualan, pameran, khidmat masyarakat, sukan serta hiburan.

Sebanyak 50 gerai jualan disediakan dengan penyertaan 90 usahawan tempatan termasuk dari bimbingan Jabatan Pertanian Negeri Pulau Pinang yang menjual produk seperti minyak kelapa dara, jeruk, teknologi hijau dan sebagainya.

Dalam pada itu, seorang peniaga dodol, Rahmah Lazim, 60, yang telah bergiat dalam bidang tersebut selama 10 tahun menyatakan bahawa sebelum ini beliau tidak pernah menerima bantuan sedemikian.

"Syukur kerana Kerajaan Negeri sudi memberikan sumbangan seperti ini.

"Saya mendapat mesin kacau dodol dan ini akan lebih memudah dan meringankan kerja saya sekaligus meningkatkan produktiviti sedia ada," ujarnya ketika ditemui di sini.

Pengusaha laksa dan keropok, Robhinah Arshat, 53, menganggap sumbangan tersebut sebagai rezeki kepada perniagaannya.

"Saya ucapkan terima kasih kepada Kerajaan Negeri yang sudi membantu usahawan kecil macam kami.

"Ini (sumbangan) sedikit-sebanyak 'menyeronokkan' hati saya," jelas Robhinah yang berniaga di Batu Maung di sini.



PARA pengunjung Karnival Santai Rakyat Usahawan dan Koperasi Peringkat Daerah Barat Daya tidak melepaskan peluang beraksi dalam acara sukaneka yang disediakan di sini baru-baru ini.

# Jambatan Kedua sah selamat - JKSB

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**

**BATU MAUNG -** Hasil dua ujian menggunakan kenderaan berat, lori, Jambatan Kedua Pulau Pinang (JKPP) yang menghubungkan Batu Maung dan Batu Kawan, Seberang Perai Tengah (SPT) disahkan sebagai lulus ujian serta selamat.

Perkara tersebut dinyatakan Pengarah Pembinaan Jambatan Kedua Sdn. Bhd. (JKSB), Hamizol Ngah majlis sesi sidang media berserta lawatan ke tapak pembinaan JKPP di sini baru-baru ini.

Kata Hamizol, pada ujian tersebut, pihaknya menyasarkan struktur akan turun sebanyak 10 milimeter, namun pihaknya mengesahkan struktur hanya turun pada kadar tiga milimeter sahaja dan ianya lulus ujian dengan cemerlang," ujarnya di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Exco Kerja Raya, Utiliti dan Pengangkutan, Lim Hock Seng serta Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Batu Maung, Datuk Abdul Malik Abul Kassim.

Hasil tinjauan Buletin Mutiara mendapati hanya pintu gerbang, pondok tol, surau, pejabat konsesi dan tandas di bahagian Batu Kawan sahaja dalam proses disiapkan pihak berkenaan.

Menurut Hamizol, ujian tersebut sengaja dihebahkan memandangkan hal keselamatan JKPP diragui selepas kejadian runtuhan susur keluar di Batu Maung yang mengakibatkan kemalangan jiwa pada pertengahan tahun ini.

"Ini adalah ujian biasa yang sebenarnya tidak perlu dihebahkan kepada umum, namun atas dasar keselamatan yang menjadi isu dalam pembinaan jambatan ini, saya beritahu juga," jelas beliau.

Ketika diminta mengulas lanjut mengenai tarikh tepat pembukaan JKPP, Hamizol menyatakan ia adalah kuasa mutlak Kementerian Kerja Raya dan JKSB tidak berani memberikan sebarang tarikh.

"Projek sudah 99 peratus dan dijangka siap sepenuhnya pada Disember merangkumi struktur-struktur di Batu Kawan, manakala penyambungan dan turapan tar sudah siap sepenuhnya.

"Satu lagi audit akan dilakukan selepas ini bagi memastikan keselamatan struktur ini terus terjamin untuk digunakan," jelasnya.

Dalam pada itu, Hock Seng mengucapkan terima kasih kepada JKSB kerana sudi membenarkan lawatan tersebut dijalankan dan berharap projek berkenaan dapat disiapkan dengan lancar serta selamat.




KEADAAN laluan JKPP pada sesi lawatan di sini baru-baru ini.



PINTU gerbang JKPP yang dalam proses disiapkan.

## Segera isi Borang Penyata Maklumat Harta MPPP – Kon Yeow

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**

**GEORGE TOWN -** Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) menghantar borang Penyata Maklumat Harta kepada semua pemilik atau penyewa premis berwajib secara berperingkat bermula pada hujung Oktober lepas.

Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow berkata, langkah itu demi mengemaskini maklumat lengkap pemilik dan pegangan-pegangan mereka yang berkenaan.

"Langkah ini juga sebenarnya bertujuan untuk menetapkan kadar baru Nilaian Tahunan 2015," ujarnya dalam satu sidang media yang turut disertai Setiausaha MPPP, Ar. Ang Aing Thye di sini baru-baru ini.

Menurut Kon Yeow, inisiatif yang dilakukan MPPP itu sebagai mengikut Seksyen 137 dan Seksyen 140, Akta Kerajaan Tempatan 1976.

Kon Yeow yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Kota berkata, pihaknya turut menyediakan panduan mengisi borang penyata maklumat demi memudahkan urusan pelanggan.

Tambahnya, satu kaunter khas turut dibuka di Jabatan Penilaian & Pengurusan Harta, MPPP, Tingkat 12, Komtar atas tujuan sama.

Info lanjut, hubungi nombor telefon **04 – 459 2266** atau emel, *penilaian@mppp.gov.my.*



**CHOW Kon Yeow (duduk, kanan sekali) dan Ar. Ang Aing Thye (tengah) menunjukkan borang Penyata Maklumat Harta MPPP pada majlis sidang media di sini baru-baru ini.**

# Petanda baik peningkatan aktiviti perdagangan 2015

Oleh: **AINUL WARDAH SOHILLI**

**GEORGE TOWN** - Sebanyak 72 acara melibatkan pelbagai aktiviti perdagangan dan perniagaan direncanakan dalam *Penang Trade Events Calender* sepanjang tahun 2014 nanti.

Exco Hal Ehwal Agama Islam, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Abdul Malik Abul Kassim berkata, peningkatan jumlah acara berbanding tahun lalu (hanya 62 acara) adalah petanda baik yang menjadi indikator perkembangan sektor perdagangan serta perniagaan di Pulau Pinang.

"Sejak dilancarkan pada tahun 2009, Kerajaan Negeri mendapat maklum balas yang positif dan kini setelah memasuki tahun keenam, kita dapat lihat peningkatan peserta dalam acara-acara perdagangan dan perniagaan di sini.

"Hal ini secara tidak langsung menunjukkan usaha dan komitmen semua pihak dalam memastikan keberkesanan setiap acara membuahkan hasil," katanya pada sidang media di sini sejurus selepas Majlis Pelancaran Penang Trade Events Calender 2014 baru-baru ini.

Jelas beliau, implikasinya memperlihatkan permintaan yang semakin menggalakkan terutama daripada penganjur acara-acara perdagangan sehingga membolehkan Pulau Pinang menjadi salah satu destinasi MICE (mesyuarat, insentif, konvensyen dan pameran) untuk rantau Asia.

"Kita (Kerajaan Negeri) sedar potensi MICE dan telah meluluskan pembinaan pusat konvensyen yang baru iaitu sPICE (*Subterranean Penang International Convention and Exhibition Centre*) bagi memenuhi keperluan penganjuran aktiviti-aktiviti perdagangan serta perniagaan bukan sahaja di negeri ini, malah juga luar negara," ujarnya yang turut melancarkan *4th Penang International MICE Conference 2014*.

Turut hadir, Timbalan Ketua Menteri I, Datuk Mohd. Rashid Hasnon yang mewakili Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng.

Dalam perkembangan sama, Abdul Malik turut mengulas pembinaan projek mega *The Light* yang dibangunkan syarikat pembinaan, IJM Land Sdn. Bhd. yang dilihat mampu merangsang kerancakkan industri di Pulau Pinang.

"Ia merupakan perkembangan positif yang mampu menjadi nilai tambah dalam industri perdagangan negeri ini," kata beliau.




**ABDUL Malik Abul Kassim (kiri sekali) dan Mohd. Rashid Hasnon bertepuk tangan selepas selesainya Majlis Pelancaran *Penang Trade Events Calender 2014* di sini baru-baru ini.**

# Anjur sukan antarabangsa, jenamakan negeri

Oleh: **WATAWA NATAF ZULKIFLI**

**BATU UBAN –** Buat julung kali, Pulau Pinang diberi penghormatan menjadi tuan rumah Kejohanan Angkat Berat Komanwel Ke-14 2013 yang mengumpulkan 500 atlet dari 70 negara seluruh dunia baru-baru ini.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng dalam pada itu merakamkan ucapan terima kasih ekoran kejayaan memperoleh 'hak' menjadi tuan rumah berkenaan.

"Kejayaan mendapat 'hak' kali ini juga dibantu ekoran kejayaan penganjuran Kejohanan Angkat Berat Remaja Dunia 2011 di sini sebelum ini.

"Justeru, Pulau Pinang bakal mempraktikkan apa yang terbaik dalam memastikan kejohanan yang menjadi medan persediaan terbaik para peserta dalam menghadapi temasya Sukan Komanwel Glasgow, Scotland pada Ogos 2014 berjalan dengan lancar.

"Juga diharapkan supaya Pulau Pinang mampu melobi lebih banyak penganjuran acara-acara berprestij bagi menjenamakan negeri ini bertaraf antarabangsa," ucapnya pada Majlis Makan Malam Kejohanan Angkat Berat Komanwel Ke-14 2013 di sini baru-baru ini.




**SALAH satu persembahan menarik yang dipersembahkan pada Majlis Makan Malam Kejohanan Angkat Berat Komanwel Ke-14 2013 di sini baru-baru ini.**

Hadir sama, Pengerusi Persekutuan Angkat Berat Malaysia (PABM), Datuk Ong Poh Eng dan Presiden Majlis Olimpik Malaysia merangkap Presiden Persekutuan Sukan Komanwel, Tunku Imran Tunku Ja'afar.

Turut menyerikan majlis, Exco Belia dan Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga & Komuniti, Chong Eng, Pengarah Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang (MSNPP), Frederick Tan dan Presiden Persekutuan Angkat Berat Antarabangsa, Dr. Tamas Ajan.

Pada majlis makan malam berkenaan, hadirin dihiburkan dengan persembahan kebudayaan dari Malaysia, New Zealand dan Samoa.

Dalam pada itu, Menurut Imran, sukan angkat berat lazimnya banyak mengharumkan nama negara di mata dunia sebenarnya.

"Bagi pengetahuan semua, pingat pertama dikutip kontinjen negara pada Sukan Komanwel Victoria, Kanada juga adalah melalui sukan ini," ujarnya.

## Ucapan Perbahasan RUU Perbekalan 2014 di Peringkat Jawatankuasa Kementerian Pendidikan

# Keterangkuman pendidikan

Oleh: **ZAIRIL KHIR JOHARI**

**TUAN PENGERUSI,**

Perkara ketiga bahagian "Strategi" muqadimmah bab Kementerian Pendidikan dalam Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 2014 dengan jelas menyatakan objektif untuk "memastikan rakyat mendapat peluang yang adil dan saksama tanpa mengira lokasi, kaum, kelompok kurang upaya, orang asli dan suku minoriti lain."

Sehubungan dengan itu, saya ingin menarik perhatian dewan kepada sebuah janji yang tidak ditepati oleh Kerajaan Barisan Nasional. Semasa pembentangan Bajet 2013 tahun lalu, Perdana Menteri telah mencadangkan penubuhan projek perintis Taska OKU bagi enam kategori kanak-kanak OKU yang merangkumi down syndrome, autisme, penglihatan, pekak dan bisu, fizikal dan masalah pembelajaran.

Saya ingin bertanya, di manakah Taska OKU yang dijanjikan ini? Adakah ia sudah pun dilaksanakan? Jika tidak, adakah Kerajaan serius dalam objektif untuk memastikan semua rakyat Malaysia mendapat peluang yang adil dan saksama dalam pendidikan? Sesungguhnya negara kita sangat terkebelakang dari segi pendidikan khas, di mana tiada sekolah-sekolah kerajaan yang khusus yang dapat membezakan antara jenis-jenis OKU yang berlainan, hatta memberi bimbingan yang sepatutnya mengikut keperluan. Saya harap pihak Kementerian dapat memberi perhatian yang sewajarnya dalam perkara ini.

Lanjutan kepada persoalan keterangkuman pendidikan ini juga, saya mendapat maklumat bahawa terdapat kurang lebih 20 penempatan Orang Asli yang tidak mempunyai sekolah. Maka, saya menuntut penjelasan Yang Berhormat Menteri berhubung kenyataan ini, kerana seandainya kenyataan ini benar, maka tidakkah ia bertentangan dengan Seksyen 29A (2) Akta Pendidikan 1996 yang mewajibkan pendidikan rendah kepada semua murid? Jika prasarana asas tidak disediakan kepada anak-anak Orang Asli di 20 penempatan ini, siapakah yang bertanggungjawab? Adakah Kementerian Pendidikan boleh didakwa melalui Akta ini kerana kanak-kanak tersebut tidak dapat bersekolah?

**Tuan Pengerusi,**

Semakan melalui Statistik Pendidikan Malaysia 2011 mendapati bahawa sehingga 30 Jun 2011, enrolmen pelajar sekolah rendah di negara ini mencapai 96 peratus. Ini merupakan angka enrolmen yang boleh dibanggakan dan setanding dengan negara-negara maju. Namun begitu, empat peratus kanak-kanak yang tidak bersekolah ini tidak harus diabaikan. Begitu juga di peringkat sekolah menengah di mana masih terdapat 14 peratus remaja yang tidak mengikuti sistem pendidikan formal di negara ini. Maka, saya berharap Yang Berhormat Menteri dapat menjelaskan demografi anak-anak yang tercicir daripada pendidikan formal dari segi latar sosio-ekonomi, lokasi, kaum dan gender. Adakah Kementerian telah menjalankan kajian terhadap anak-anak yang tercicir ini dan apakah langkah yang diambil untuk membantu mereka?

Pada masa yang sama, Kerajaan melalui Program Transformasi Kerajaan (GTP) Pendidikan 2010, telah mengumumkan pelaksanaan penarafan prasekolah menggunakan Standard Kualiti Prasekolah Kebangsaan bermula tahun 2013 terhadap 100 peratus prasekolah kerajaan dan 50 peratus prasekolah swasta.

Maka, sebelum kita memutuskan sama ada Rang Undang-undang yang ada di hadapan kita ini layak diluluskan, adalah wajib kita pertimbangkan keputusan laporan penarafan ini terlebih dahulu, memandangkan wujud kebimbangan besar masyarakat terhadap kualiti pendidikan dan tahap keselamatan setiap taska di negara ini.

**Tuan Pengerusi,**

Saya juga ingin menyentuh mengenai peruntukan bagi pendidikan rendah, di mana RM14 bilion bagi perbelanjaan mengurus merupakan satu jumlah yang besar. Tetapi, sekiranya perbelanjaan itu menjanakan hasil yang baik, ia tidak bermasalah. Walau bagaimanapun, sebagaimana yang saya pertegaskan dalam ucapan peringkat dasar tempoh hari, Laporan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 sendiri telah membuktikan bahawa perbelanjaan besar tahun demi tahun oleh Kementerian Pendidikan adalah tidak setimpal dengan hasil yang diperolehi. Dalam erti kata lain, perbelanjaan Kementerian Pendidikan adalah tidak cekap dan gagal diterjemahkan dalam bentuk kecemerlangan pelajar.

Kenyataan saya ini disokong lagi dengan keputusan Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR) 2013 yang diumumkan baru-baru ini. Walaupun diuar-uarkan kononnya keputusan yang terbaik dalam empat tahun, penelitian keputusan UPSR tahun ini menunjukkan penurunan yang ketara dalam keputusan kertas Bahasa Inggeris dalam kalangan murid sekolah kebangsaan, di mana hanya 74.4 peratus daripada calon-calon sekolah kebangsaan berjaya mencapai sekurang-kurangnya C tahun ini, berbanding dengan 77.3 peratus pada tahun lepas. Pada masa yang sama, Gred Purata Mata Pelajaran untuk kertas tersebut juga merosot.

Keputusan ini sangat mengejutkan memandangkan Kerajaan telah membelanjakan RM270 juta untuk mengupah syarikat-syarikat perunding untuk mendatangkan "mentor" penutur jati bahasa Inggeris dari luar negara untuk membimbing guru-guru Bahasa Inggeris di sekolah-sekolah rendah kebangsaan. Program ini telah berlangsung dari tahun 2011 sehingga tahun ini, dan sepatutnya 7,500 guru sekolah rendah sudah dilatih. Justeru, selepas tiga tahun pelaksanaan dan perbelanjaan RM270 juta, bagaimanakah mungkin penguasaan bahasa Inggeris di kalangan murid sekolah rendah kebangsaan kita merosot? Bukankah ini satu lagi pembaziran besar?

**Perbelanjaan yang besar, tetapi mana hasilnya?**

Tambahan kepada isu ini, RM270 juta tersebut telah diagihkan kepada tiga syarikat perunding, iaitu British Council, Brighton Education Group dan SMR HR Group. Namun, sementara British Council dan Brighton Education Group merupakan syarikat-syarikat yang terkenal dalam bidang pendidikan, apakah kelayakan syarikat SMR HR Group yang telah dibayar RM90 juta bagi program mentor tersebut?

Maklumat daripada laman web rasmi SMR HR Group menunjukkan bahawa mereka merupakan agensi yang menyediakan khidmat nasihat dalam bidang sumber manusia. Sebelum projek mentor bahasa Inggeris ini, adakah mereka pernah mempunyai pengalaman dalam bidang pendidikan? Jika tidak, atas asas apakah mereka telah dianugerahkan kontrak yang begitu lumayan?

Ekoran daripada itu, saya ingin bertanya sama ada program mentor penutur jati RM270 juta yang saya ulaskan tadi akan dilanjutkan setelah tamat pada tahun ini. Sekiranya tidak, saya minta penjelasan dan perincian perbelanjaan RM208 juta bagi program Memartabatkan Bahasa Malaysia, Memperkukuhkan Bahasa Inggeris untuk tahun 2014.

Dalam pada itu, saya juga ingin menuntut penjelasan Yang Berhormat Menteri mengenai program latihan penggunaan Pelantar Pembelajaran Maya (VLE) yang bakal dilaksanakan dalam projek 1BestariNet?

Hal ini sangat penting kerana program ini mempunyai persamaan dengan dasar PPSMI yang telah gagal setelah memakan belanja RM3.2 bilion. Sepertimana dasar PPSMI, program VLE ini juga banyak bergantung kepada kemahiran guru dan penggunaan teknologi.

Oleh itu, saya ingin bertanya juga sama ada kajian rintis ataupun pilot studies telah dilakukan? Saya khuatir pengenalan projek yang tiada kajian menyeluruh ini bukan sahaja akan membazirkan wang rakyat tetapi memperjudikan masa depan anak bangsa dengan menjadikan semua murid sekolah kita sebagai tikus makmal.

**Institusi Pengajian Tinggi Awam**

**Tuan Pengerusi,**

Berkenaan dengan Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA), salah satu sasaran utama Jabatan Pengajian Tinggi adalah untuk memastikan sekurang-kurangnya 75 peratus pensyarah IPTA mempunyai kelayakan ijazah Doktor Falsafah atau setaraf dengannya. Namun begitu, semakan dengan Indikator Pengajian Tinggi 2009/2010 menunjukkan bahawa secara keseluruhannya kurang 30 peratus pensyarah IPTA memiliki ijazah Doktor Falsafah. Malah, di universiti bertaraf penyelidikan pun jumlah ini hanyalah pada 40% pada 2010.

Justeru, apakah status terkini program MyBrain15 serta bilangan pensyarah dengan ijazah Doktor Falsafah semasa di setiap universiti? Pada masa yang sama, apakah usaha kerajaan untuk meluaskan kebebasan akademik bagi menarik lebih ramai ahli akademik yang berkualiti untuk menyertai IPTA?

Tambahan kepada itu, saya juga ingin membangkitkan jawapan Yang Berhormat Menteri semasa perbahasan peringkat dasar, yang menyatakan bahawa "ranking bukan segala-galanya" untuk menjawab kritikan ranking IPTA negara kita yang semakin merosot, khususnya Universiti Sains Malaysia yang telah melihat penurunan ranking yang ketara sejak penarafannya sebagai satu-satunya Universiti APEX di negara kita. Menurut QS World University Rankings semenjak tahun 2007, kedudukan USM telah merosot daripada 307 pada tahun 2007 kepada 326 pada tahun 2012 sehingga 355 pada tahun ini.

Ya, saya boleh menerima kenyataan bahawa ranking itu bukan segala-galanya. Namun, saya ingin tahu, jika bukan ranking, apakah indikator lain yang digunakan untuk mengukur prestasi IPTA, khasnya Universiti APEX USM?

**Tuan Pengerusi,**

Akhir sekali, saya ingin menarik perhatian kepada peruntukan RM1.095 bilion untuk program bantuan makanan asrama. Saya harap Yang Berhormat Menteri dapat memberi perincian lanjut mengenai perkara ini, dan senaraikan berapa buah sekolah, sama ada sekolah harian mahupun berasrama penuh, yang menikmati peruntukan ini serta berama ramaikah murid yang terlibat?

Saya menyudahi ucapan saya dengan harapan bahawa Yang Berhormat Menteri akan menjawab soalan-soalan yang dibangkitkan, tidak seperti dalam penggulungan Menteri semasa peringkat dasar yang sangat mengecewakan kerana tidak menjawab secara langsung kebanyakan daripada soalan-soalan yang saya ajukan.

Sekian, terima kasih



**ZAIRIL Khir Johari (depan, dua dari kiri) beramah-mesra pelawat dengan sekumpulan audiens.**

| Nama ADUN | No Tel/ No Faks |
|---|---|
| AIR PUTIH<br>YAB Tuan Lim Guan Eng<br>limguaneng@penang.gov.my | (T) 04 - 829 0614 |
| PANTAI JEREJAK<br>YB Haji Mohd. Rashid Hasnon<br>rashid.hasnon@penang.gov.my | (T) 04 - 646 4700 |
| PERAI<br>YB Prof. Dr. P. Ramasamy<br>ramasamy@penang.gov.my | (T) 04 - 399 6689 |
| PADANG KOTA<br>YB Chow Kon Yeow<br>chowkonyeow@penang.gov.my | (T) 04 - 226 0218<br>(F) 04 - 226 0218 |
| BATU MAUNG<br>YB Datuk Abdul Malik Abul Kassim<br>abdmalik@penang.gov.my | (T) 04 - 626 1968<br>(F) 04 - 626 5496 |
| BAGAN JERMAL<br>YB Lim Hock Seng<br>limhockseng@penang.gov.my | (T) 04 - 331 7175<br>(F) 04 - 331 7175 |
| BATU LANCHANG<br>YB Law Heng Kiang<br>lawhengkiang@penang.gov.my | (T) 04 - 282 6419<br>(F) 04 - 282 6419 |
| SUNGAI PUYU<br>YB Phee Boon Poh<br>pheeboonpoh@penang.gov.my;<br>pheeboonpoh@yahoo.com | (T) 04 - 262 0860<br>012 - 480 5495<br>(F) 04 - 261 8745 |
| PADANG LALANG<br>YB Chong Eng<br>chong.eng@penang.gov.my | (T) 04 - 530 3028 |
| DATO' KERAMAT<br>YB Jagdeep Singh DEO<br>jagdeepsinghdeo@penang.gov.my | (T) 04 - 226 2464<br>(F) 04 - 227 2464 |
| SEBERANG JAYA<br>YB Dr. Afif Bahardin | (T) 04 - 390 5109 |
| BUKIT TAMBUN<br>YB Law Choo Kiang<br>lawchookiang@penang.gov.my | (T) 04 - 588 0818<br>(F) 04 - 588 0885 |
| AIR ITAM<br>YB Wong Hon Wai<br>wonghonwai@penang.gov.my | (T) 04 - 828 0926<br>(F) 04 - 828 0926 |
| BERAPIT<br>YB Ong Kok Fooi<br>ongkokfooi@penang.gov.my | (T) 04 - 530 8476 |
| MACHANG BUBOK<br>YB Lee Khai Loon<br>klee78@gmail.com | (T) 013 - 399 0519<br>(F) 04 - 551 1442 |
| TANJONG BUNGAH<br>YB Teh Yee Cheu<br>dappenang.cagw.teh@gmail.com | (T) 04 - 899 9581 |
| JAWI<br>YB Soon Lip Chee<br>dunjawi@hotmail.com | (T) 04 - 594 1163<br>(F) 04 - 594 3163 |
| PENGKALAN KOTA<br>YB Lau Keng Ee<br>dappengkalankota@gmail.com | (T)04 - 250 1521<br>04 - 2501522<br>(F)04 - 2501523 |
| BAGAN DALAM<br>YB Tanasekharan a/l Autheraphy<br>atana@first.net.my | (T) 04 - 323 5870<br>(F) 04 - 323 5870 |
| KEBUN BUNGA<br>YB Cheah Kah Peng<br>kebunbunga24@gmail.com | (T) 04 - 826 5451<br>(F) 04 - 826 5451 |
| SUNGAI BAKAP<br>YB Hj. Maktar Hj. Shapee<br>adunan.dunsgbakap@yahoo.com | (T) 04 - 582 7549<br>(F) 04 - 582 8648 |
| KOMTAR<br>YB Teh Lai Heng<br>komtarN28@gmail.com | (T) 04 - 227 7068<br>(F) 04 - 227 7068 |
| PAYA TERUBONG<br>YB Yeoh Soo Hin<br>clementyeoh@hotmail.com | sedang<br>dikemaskini |
| PULAU TIKUS<br>YB Yap Soo Huey<br>yapsoohueydap@gmail.com | (T) 04 - 226 5217<br>(F) 04 - 227 5217 |
| PERMATANG PASIR<br>YB Datuk Hj. Mohd. Salleh Man<br>adunptgpasir@gmail.com | (T) 04 - 398 4226<br>(F) 04 - 398 4226 |
| BUKIT TENGAH<br>YB Ong Chin Wen<br>pkrbktengah@gmail.com | (T) 04 - 508 3977<br>(F) 04 - 508 3677 |
| PENANTI<br>YB Norlela Ariffin<br>norlela.ariffin@gmail.com | (T) 04 - 522 2916<br>(F) 04 - 521 2915 |
| SUNGAI PINANG<br>YB Lim Siew Khim<br>dapsungaipinang@hotmail.com | (T) 04 - 282 6630 |
| BATU UBAN<br>YB Dr. T. Jayabalan<br>drjayabalan@gmail.com | (T) 04 - 656 2605<br>(F) 04 - 656 0699 |
| SERI DELIMA<br>YB Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji<br>rsnrayer@gmail.com | (T) 04 - 659 5611<br>(F) 04 - 659 6611 |
| DAP PENANG HQ<br>dappg@streamyx.com | (T) 04 - 228 8482<br>04 - 227 1397<br>04 - 226 6482<br>(F) 04 - 228 8514 |

| NAMA ADUN | No Tel/ No Faks |
|---|---|
| PENAGA<br>YB Mohd. Zain Ahmad | (T) 04 - 351 5825 |
| BERTAM<br>YB Shariful Azhar Othman | (T) 012 - 411 4690<br>(F) 04 - 575 8670 |
| PINANG TUNGGAL<br>YB Datuk Haji Roslan Saidin | (T) 04 - 398 3555<br>(F) 04 - 397 3555 |
| PERMATANG BERANGAN<br>YB Omar Abd. Hamid | (T) 04-573 4630<br>(F) 04-573 4630 |
| SUNGAI DUA<br>YB Muhamad Yusoff Mohd. Noor | (T) 04 - 575 7454 |
| TELOK AIR TAWAR<br>YB Datuk Jahara Hamid<br>jahara.hamid@gmail.com | (T) 04 - 351 2873<br>(F) 04 - 351 4389 |
| SUNGAI ACHEH<br>YB Datuk Mahmud Zakaria<br>datomahmud@umpangroup.com.my | (T) 04 - 593 3100<br>(F) 04 - 593 9529 |
| BAYAN LEPAS<br>YB Nordin Ahmad | Sedang dikemaskini |
| PULAU BETONG<br>YB Muhamad Farid Saad | (T) 04 - 866 4202<br>(F) 04 - 866 4202 |
| TELUK BAHANG<br>YB Shah Haedan Ayoob | (T) 04 - 866 1760<br>(F) 04 - 866 1821 |

| PEGAWAI PENYELARAS KADUN | No Tel/ No Faks |
|---|---|
| PENAGA<br>Ridwan Osman<br>ridwan_wan48@yahoo.com | 013-499 5068 |
| BERTAM<br>Asrol Sani Abdul Razak<br>asrolsani2006@gmail.com | 013-580 6981 |
| PINANG TUNGGAL<br>Muhasdey Muhamad<br>hadiputra78@yahoo.com | 019-437 2887 |
| PERMATANG BERANGAN<br>Arshad Md. Salleh<br>arshad.salleh@yahoo.com | 019-510 2633 |
| SUNGAI DUA<br>Zahadi Mohd.<br>zahadi55@yahoo.com | 019-507 3828 |
| TELOK AIR TAWAR<br>Norhayati Jaafar<br>yatie7119@yahoo.com.my | 019-433 7119 |
| SUNGAI ACHEH<br>Mohammad Razak | 013-597 6478 |
| BAYAN LEPAS<br>Asnah Hashim<br>asnah45@hotmail.my | 019-472 6956 |
| PULAU BETONG<br>Hj. Mohd Tuah Ismail<br>tuahismail@yahoo.com | 019-570 9500 |
| TELUK BAHANG<br>Dato' Haji Abdul Halim Hussain<br>abdulhalimhussain@gmail.com | 019-480 9599 |

## Talian Kecemasan & Perkhidmatan Awam

| | |
|---|---|
| POLIS & AMBULANS | 999 |
| BOMBA | 994 |
| DIREKTORI TELEFON | 103 |
| OPERATOR ANTARABANGSA | 101 |
| PENYELAMAT | 991 |
| BIRO PENGADUAN AWAM | 04-263 6893 |
| SEKRETARIAT KERAJAAN NEGERI | 04-262 1957 |
| KASTAM | 04-262 2300 |
| IMIGRESEN | 04-250 3419 |
| INFORMASI PENERANGAN | 04-643 0373 |
| WCC (*Women's Centre for Change*) | 04-228 0342 |
| Pusat Perkhidmatan Wanita (Seberang) | 04-398 8340 |
| EPF | 04-226 1000 |
| SOCSO | 04-238 9888 |
| JPJ | 04-656 4131<br>04-398 8809 |
| JABATAN PENDAFTARAN | 04-226 5161 |
| PUSAT INFO PELANCONG | 04-261 4461 |
| KERETAPI BUKIT BENDERA | 04-828 8880 |
| FERI (GEORGETOWN) | 04-210 2363 |
| ( BUTTERWORTH) | 04-310 2377 |
| JAMBATAN PP | 04-398 7419 |
| STESEN KERETAPI BUTTERWORTH | 04-261 0290 |
| PERSATUAN PERLINDUNGAN KANAK-KANAK | 04-829 4046 |
| CAP | 04-829 9511 |
| BEFRIENDERS PENANG | 04-281 5161<br>04-281 1108 |
| JABATAN BURUH | 04-262 5536 |
| PERPUSTAKAAN PP | 04-229 8555 |

## PROGRAM PENGHARGAAN WARGA EMAS/OKU/IBU TUNGGAL/ PROGRAM ANAK EMAS/ PROGRAM RAKAN ANTI KEMISKINAN/ PROGRAM PELAJAR EMAS

| | | | |
|---|---|---|---|
| N1 | Penaga | : 019 - 409 5922 | - Shukri |
| N2 | Bertam | : 019 - 593 3736 | - Fatimah |
| N3 | Pinang Tunggal | : 017 - 424 9371 | - Tasrin |
| N4 | Permatang Berangan | : 019 - 556 4664 | - R.M. Reza |
| N5 | Sungai Dua | : 013 - 595 6865 | - Rosli Man |
| N6 | Telok Air Tawar | : 019 - 433 7464 | - Mat Zahir |
| N7 | Sungai Puyu | : 012 - 480 5495 | - Mr.Lee |
| N8 | Bagan Jermal | : 013 - 449 0366 | - Yeap Choon Keong |
| N9 | Bagan Dalam | : 016 - 473 1963 | - Gesan |
| N10 | Seberang Jaya | : 04 - 390 5109 | - Nor Hayati Mohd. Iskander |
| N11 | Permatang Pasir | : 019 - 412 8442<br>013 - 595 6865 | - Kamal<br>- Rosli |
| N12 | Penanti | : 04 - 522 2916 | - Rodzi |
| N13 | Berapit | : 016 - 401 3507<br>017 - 446 1817 | - Mr.Lim<br>- Yeoh Ee Yee |
| N14 | Machang Bubuk | : 012 - 474 0964<br>012 - 473 0964 | - Andrew Chin<br>- Ikhwan |
| N15 | Padang Lalang | : 017 - 552 8928<br>014 - 945 9786 | - Chan<br>- Lai |
| N16 | Perai | : 04 - 399 6689 | - Selvi |
| N17 | Bukit Tengah | : 013 - 518 8735 | - Lim Tuan Chun |
| N18 | Bukit Tambun | : 016 - 404 9120<br>017 - 378 4448 | - G.Dumany<br>- Khor |
| N19 | Jawi | : 017 - 408 4784<br>012 - 456 5018 | - Abdul Halim<br>- Mr. Khor |
| N20 | Sungai Bakap | : 019 - 552 8689<br>012 - 542 4454 | - Norjuliana<br>- Hasbullah |
| N21 | Sungai Acheh | : 012 - 679 4704 | - Yaser |
| N22 | Tanjong Bungah | : 016 - 465 0318 | - Ranson |
| N23 | Air Putih | : 04 - 829 0614 | - Hong Kian Beng |
| N24 | Kebun Bunga | : 012 - 493 3342 | - Cheng Kok Eong |
| N25 | Pulau Tikus | : 017 - 478 3237<br>017 - 956 3237 | - Lingam<br>- Quah |
| N26 | Padang Kota | : 012 - 431 7015 | - Johnny Chee |
| N27 | Pengkalan Kota | : 012 - 401 1522 | - Ch'ng Chin Keat |
| N28 | KOMTAR | : 012 - 423 3227 | - Benji Ang |
| N29 | Datok Keramat | : 016 - 499 7274<br>04 - 226 2464 | - Jaya Sangaran<br>- Kalvindar |
| N30 | Sungai Pinang | : 04 - 282 6630 | - Shuen |
| N31 | Batu Lancang | : 04 - 282 6419 | - Karuna |
| N32 | Seri Delima | : 019 - 4474362<br>012 - 5242549 | Mahen<br>James |
| N33 | Air Itam | : 012 - 4730736<br>016 - 4940705 | - Anne<br>- Janet |
| N34 | Paya Terubong | : 012 - 484 1963<br>019 - 444 1039 | - Toon Hoon Lee<br>- Sabapathee |
| N35 | Batu Uban | : 016 - 480 0232<br>016 - 487 8602<br>016 - 444 3550 | - Jalal<br>- Khairul<br>- Sathya |
| N36 | Pantai Jerejak | : 04 - 646 4700 | - Aliff / Shamsudin |
| N37 | Batu Maung | : 012 - 504 4836 | - Ziezullhakim |
| N38 | Bayan Lepas | : 016 - 599 2918 | - Saifullizan |
| N39 | Pulau Betong | : 012 - 422 4935 | - Zulkiflee |
| N40 | Telok Bahang | : 017 - 413 5695 | - Johan |

## SENARAI NAMA AHLI MAJLIS MPSP 2013

| Nama | Telefon |
|---|---|
| Mohd Shaipol Ismail (DAP) | 012 - 571 2250 |
| Chandrasekeran a/l S. Maniam (DAP) chanderasekeran@mpsp.gov.my | 012 - 5619870 |
| Loh Joo Huat (DAP) jhloh@mpsp.gov.my | 012 - 422 1133 |
| Tan Chong Hee (DAP) | 019 - 411 5598 |
| Tan Chee Teong (DAP) | 012 - 401 7718 |
| Michael Tan Cheong Heng (DAP) | 012 - 487 3101 |
| P. David Marshel (DAP) | 019 - 412 3397 |
| H'ng Mooi Lye (DAP) | 012 - 425 2602 |
| M.Satees (DAP) | 016 - 438 4767 |
| Chong Pei Pei (DAP) | 012 - 476 7729 |
| Ong Eu Leong (PKR) | 010 - 770 0508 |
| Rezal Huzairi Md Zaki (PKR) | 017 - 409 7702 |
| Abdul Jalil Che Ros (PKR) | 013 - 489 3227 |
| Shafiqah Shobha Abdullah (PKR) | 016 - 496 1659 |
| Syed Mikael Rizal Aidid (PKR) | 013 - 779 0709 |
| Amir Md Ghazali (PKR) amir@mpsp.gov.my | 013 - 584 8386<br>04 - 521 1987 (Fax) |
| Zulkiefly Saad (PKR) | 013 - 436 2848 |
| Mohd Rizal Abd Hamid (PKR) | 012 - 424 3878 |
| Ho Leng Hong (PKR) | 017 - 487 2767 |
| Md Jamil Abd Rahman (PAS) mdjamil@mpsp.gov.my | 019 - 449 0007 |
| Ahmad Kaswan Kassim (PAS) ahmadkaswan@mpsp.gov.my | 019 - 408 4899 |
| Wong Chee Keat (NGO) | 012 - 451 1312 |
| Dr. Tiun Ling Ta (NGO) lttiun@mpsp.gov.my | 04-508 0039 (Tel)<br>04-657 0918 (Fax) |
| Ahmad Tarmizi Abdullah (NGO) | 013 - 414 4822 |

## SENARAI NAMA AHLI MAJLIS MPPP 2013

| Nama | Telefon |
|---|---|
| Tan Hun Wooi (DAP) | 012 - 488 0409 |
| Harvindar a/l Darshan Singh (DAP) | 012 - 428 2250 |
| Ong Ah Teong (DAP) | 012 - 410 6566 |
| Tay Leong Seng (DAP) | 019 - 321 9392 |
| Gooi Seong Kin (DAP) | 016 - 457 1271 |
| Sukumar Subramaniam (DAP) | 019 - 442 2113 |
| Joseph Ng Soon Siang (DAP) | 012 - 423 9143 |
| Tan Kim Hooi (DAP) | 016 - 438 7855 |
| Lee Chun Kit (DAP) | 012 - 519 2152 |
| Nur Fitriah Abdul Halim (DAP) | 019 - 479 9517 |
| Francis a/l Joseph (PKR) | 012 - 474 3321 |
| Muhammad Sabri Md. Osman (PKR) | 013 - 432 0207 |
| Ahmad Azrizal Tahir (PKR) | 019 - 541 4818<br>012 - 498 4556 |
| Murali Ramakrishnan (PKR) | 012 - 400 2633 |
| Tan Chiew Choon (PKR) | 019 - 470 4499 |
| Muhammad Bakhtiar Wan Chik (PKR) | 019 - 470 8811 |
| Lim Boon Beng (PKR) | 012 - 564 4400 |
| Nur Zarina Zakaria (PKR) | 011 - 578 5098 |
| Iszuree Ibrahim (PAS) | 016 - 443 3205 |
| Abdul Halim Salleh (PAS) | 019 - 432 9840 |
| Dr. Lim Mah Hui(NGO) | 012 - 422 1880 |
| Sin Kok Siang (NGO) | 016 - 422 2255 |
| Aidi Akhbal Mohd Zainon (NGO) | 012 - 464 3004 |
| Mohd Foaz Hamid (NGO) | 016 - 422 2225 |


**SIDANG REDAKSI BULETIN MUTIARA**

**Penulis:**
YAP LEE YING
AINUL WARDAH SOHILLI
ZAINULFAQAR YAACOB
NORSHAHIDA YUSOFF
WATAWA NATAF ZULKIFLI

**Jurugambar/Juruvideo:**
CHAN LILIAN
LAW SUUN TING
ALISSALA THIAN
AHMAD ADIL MUHAMAD
MARK JAMES

**Jurugrafik:**
LOO MEI FERN
IDZHAM AHMAD

sertai kami melalui "***sms blast***",
taip "***ADD ME***" 019 357 9726

Bagi sebarang maklum balas, sila hantar ke:

**Editor BULETIN MUTIARA,**
Tingkat 47, Komtar,
10503 Pulau Pinang.
Emel: buletinmutiara.bpkn@gmail.com

Talian Pejabat
04 - 650 5561, 04 - 650 5559,
04 - 650 5705, 04-650 5375, 04 - 650 5256


## Kalendar Pelancongan Pulau Pinang Dis. 2013




15hb November - 31hb Disember
***Dinosaurs Mengamok Di Bukit Bendera***
*Bukit Bendera*



15hb Disember
***Rumah Terbuka Krismas***
*Fort Cornwallis, Esplanade*
*6:30mlm - 10:00mlm*

24hb Disember
***Christmas Eve & Christmas Parties***
*Upper Penang Road*





31hb Disember
***New Year Countdown***
*Esplanade, Penang, Queensbay Mall, Penang Pesta Site, E&O Straits Quay, Auto-City*





PERSEMBAHAN *choral speaking* pelajar Sekolah Kebangsaan Seri Sentosa, Seberang Perai Selatan pada Majlis Sambutan Hari Tandas Sedunia.



▲KESEPAKATAN yang ditunjukkan dalam kalangan pemimpin Pakatan Rakyat negeri Pulau Pinang.




AKSI tiga badut dalam penganjuran program *Armenian Street Got Talent.*

AHLI Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Pinang, Lim Siew Khim (depan, kiri sekali) tertarik dengan keunikan burung yang mengambil bahagian dalam Pertandingan Seni Suara dan Gaya Burung JKKK Kampung Baru 2013. ▶






KANAK-kanak yang mengambil bahagian dalam program *G Club Children Traffic Safety Campaign* masing-masing menggayakan aksi ceria.










EXCO Kerja Raya, Utiliti dan Pengangkutan, Lim Hock Seng (lapan dari kiri) mengetuai sesi lawatan ke Jambatan Kedua Pulau Pinang baru-baru ini.



PARA peserta Program Gotong-royong Taman Desa Jawi bergambar kenang-kenangan bersempena penganjurannya.



SEKUMPULAN kanak-kanak ceria memerhatikan salah seorang rakan mereka menunggang replika dinosaur yang diletakkan di stesen bawah Bukit Bendera sempena Program Cuti Sekolah Dinasaurs Mengamok Di Bukit Bendera.

Oleh Darshini Sitharam, Pegawai Komunikasi & Informasi

## **Rakyat Bijak dengan Aplikasi** *BetterPenang*
### Rakam – Label – Hantar, semudah ABC

Facebook? Twitter? Atau WhatsApp? Aplikasi ini merupakan antara yang paling popular dalam kalangan pengguna telefon bimbit pintar pada masa kini. Pengguna telefon bimbit pintar ini lebih teruja untuk menggunakan Facebook dan Twitter bagi tujuan check-in di kawasan tertentu dan berkongsi gambar bersama rakan-rakan sejaringan.



Adakah anda tahu, penggunaan Facebook di Pulau Pinag boleh menggunakan applikasi tambahan untuk berbagai tujuan? Ya, kini masyarakat di Pulau Pinang telah menjadi lebih bijak sejak aplikasi BetterPenang diperkenalkan..

Idea utama aplikasi ini diperkenalkan adalah untuk memberikan sebuah landasan kepada pakar-pakar IT muda serta pengguna telefon bimbit pintar untuk menyumbangkan kearah Pulau Pinang yang lebih proaktif, melalui penghantaran aduan, saranan dan idea demi kesejahteraan rakyat.

Aplikasi BetterPenang ini telah diterajui oleh sekumpulan rakyat Pulau Pinang yang begitu menyayangi negeri ini, yang bersama-sama turun padang untuk merealisasikan Visi Pulau Pinang untuk menjadi sebuah Bandar Antarabangsa, yang mampan ke arah masa hadapan. Kumpulan ini tidak diwakili oleh mana-mana organisasi atau syarikat, tetapi adalah suatu inisiatif yang diasaskan oleh tiga rakyat Pulau Pinang yang perihatin:En. SG Chua, Pengasas Aplikasi; Ahli Parlimen Bukit Mertajam YB Steven Sim; dan Bekas Ahli Majlis MPPP EN Ng Chek Siang.

**SEMUDAH ABC : HANYA DENGAN MERAKAM – LABEL – HANTAR**




Dengan anggapan, bahawa semua pengguna telefon bimbit pintar mempunyai akaun Facebook, pendaftaran masuk bagi penggunaan aplikasi ini menjadi lebih mudah iaitu hanya perlu mengguna ID dan Kata Laluan Facebook. Hanya klik pada menu Login dan masukkan butiran yang diperlukan.




Selepas daftar masuk, halaman pertama yang akan terpapar mengandungi pilihan kepada pengguna untuk meilih jenis perkhidmatan yang diperlukan. Sekiranya pengguna ingin memuatkan gambar sebagai aduan, Instant Capture adalah pilihannya. Melalui pilihan itu pengguna hanya MERAKAM gambar, LABEL gambar pada lokasinya dan HANTAR aduan tersebut.




Jika pengguna pilih untuk menghantar aduan secara bertulis, klik pada New Complaint dan pengguna harus memilih jenis aduan pada Type*, samada ianya Jalan Berlubang (Potholes), Kerosakan Lampu Isyarat, atau rumput tidak dipotong dan sebagainya. Pengguna diminta untuk memberikan serba sedikit penerangan berkenaan aduan tersebut seperti "Kerosakan lampu isyarat di persimpangan Medan Bayan Baru". Sejerus itu, pengguna harus memilih kawasan (location) dengan menggunakan peta (map). Sebelum klik pada menu Location, aplikasi GPS perlu diaktifkan pada telefon bimbit pengguna supaya ia dapat mengesan kawasannya secara tepat. Setelah selesai memilih kawasan, pengguna boleh menghantar aduan tersebut dengan menekan menu Post Complaint. Cara yang sama perlu digunakan jika pengguna ingin memberikan idea baru, dibawah menu New Idea.

**Adakah aduan ini sampai kepada pihak berkuasa? Siapakah yang membacanya?**

Soalan ini merupakan soalan pertama saya kepada pemaju aplikasi ini yang lebih suka dikenali sebagai Mr. Chua Swee Guan. Menurutnya, aplikasi ini berpaut kepada laman Facebook MPPP dan MPSP. Segala aduan daripada kawasan pentadbiran MPPP akan dipaparkan dalam laman MPPP Watch manakala aduan daripada kawasan pentadbiran MPSP akan dipaparkan dalam laman MPSP Watch. Kedua-dua pihak berkuasa MPPP dan MPSP akan memeriksa laman Facebook setiap hari untuk mendapatkan aduan dan memberikan nombor rujukan kepada setiap aduan yang diterima. Para pelawat ke laman tersebut boleh mendapat maklumat terkini, memberikan pendapat mereka mengenai aduan tersebut dan boleh berinterkasi untuk bertukar pendapat melalui laman post tersebut.
Manakala, segala idea baru yang dihantar akan dipaparkan dalam laman Facebook BetterPenang.




Aplikasi ini boleh dimuat-turun oleh pengguna telefob bimbit pintar IOS dan Android. Namun, aplikasi ini tidak boleh digunakan oleh pengguna Andriod versi lama, hanya 3.0 dan keatas.
Aplikasi BetterPenang telah dilancarkan pada 11 Jun 2012 oleh Ketua Menteri Pulau Pinang, YAB Tuan Lim Guan Eng. Walaupun tiada sebarang sumbangan atau peruntukan daripada kerajaan tempatan bagi memajukan aplikasi ini, namun kumpulan pengasas aplikasi ini sangat gembira menerima sokongan daripada pihak kerajaan tempatan, terutamanya MPPP dan MPSP bagi menjayakan penggunaan aplikasi ini.
Inisiatif ini adalah selaras dengan objektif kerajaan tempatan kearah membina tadbir urus yang baik dan meningkatkan perkhidmatan mereka kepada komuniti. Aplikasi BetterPenang ini juga memberikan satu lagi landasan bagi wanita dan lelaki, yang tinggal di Pulau Pinang untuk memberi maklumbalas mereka yang akan diterima dalam "real-time" oleh pihak berkuasa bagi menjari penyelesaian masalah yang mereka hadapi dan meningkatkan kualiti perkhidmatan kepada masyarakat secara amnya.

# TABUNG AMANAH PINJAMAN PENUNTUT NEGERI PULAU PINANG

Pejabat Setiausaha Kerajaan, Paras 25, KOMTAR, 10503 Pulau Pinang Tel : 04-6505165 / 6505391 / 6505627 Fax : 04-2613453

Layarilah Laman Web : http://www.penang.gov.my

**Pentadbiran ini dalam usaha mengesan semula peminjam dan penjamin mengikut senarai di bawah. Dipohon penama tersebut menghubungi pihak pentadbiran bagi tujuan pembayaran dengan kadar segera sebelum diambil tindakan selanjutnya. Orang ramai juga boleh tampil untuk memberi maklumat mengenai penama yang berkenaan.**

**(Sila abaikan notis ini jika pembayaran telah dibuat)**

No Akaun : 8601
Peminjam : NURUL HISHAM BIN MOHD BASRI - 790410075523
NO. 24 JALAN CHEPOR INDAH 40, CHEPOR INDAH 31200 CHEMOR, PERAK
Penjamin 1 : MOHD BASRI B SHAFIE - 550724075785
24 JALAN CHEPOR INDAH 40, TAMAN CHEPOR INDAH 31200 CHEMOR, PERAK
Penjamin 2 : NORSHITA BT SHAFIE - 591104025534
NO. 11 SELASAR ROKAM 3, TAMAN IPOH, IPOH, 31400 PERAK

No Akaun : 8619
Peminjam : KALAIVANI A/P JAYARAMAN - 760214075318
17-1-18 OG COURT CONDO, JLN AWAN JAWA, TAMAN YARL 58200 KUALA LUMPUR
Penjamin 1 : JAYAPRAKASH A/L JAYARAMAN - 691105075427
4 JALAN BATAI LAUT4, TAMAN BUKIT CEMERLANG 41300 KLANG, SELANGOR
Penjamin 2 : SIVAKUMAR A/L JAYARAMAN - 740905075183
5 LORONG PERKASA 5, TAMAN PERKASA, PERMATANG TENGAH13000 BUTTERWORTH

No Akaun : 8620
Peminjam : NOREHAN BINTI MURAD - 810603045334
1122 KAMPUNG TELOR, SIMPANG EMPAT PERMATANG BULUH
13200 KEPALA BATAS, SPU
Penjamin 1 : MUHAMAD BIN SHAARI - 5427629
1607 SIMPANG EMPAT PERMATANG BULUH
13200 KEPALA BATAS,
SEBERANG PERAI UTARA
Penjamin 2 : RAMUNAH BINTI MASRI - 610103076058
33 JALAN JASA, TMN HJ AHMAD BADAWI, PAJAK SONG 13200 KEPALA BATAS, SPU

No Akaun : 8631
Peminjam : AINIL HANA BT MOHAMAD - 800707075002
113 KAMPUNG PADANG, KUALA PEGANG 09110 BALING, KEDAH
Penjamin 1 : MOHD ZAKI BIN OTHMAN - 540622075267
4 LORONG MURNI 5 , TAMAN DESA MURNI, SUNGAI DUA 13800 BUTTERWORTH
Penjamin 2 : MOHD SAIFUDDIN BIN MOHD SALLEH - 541123025243
1006 MK 8, PERMATANG RAWA 14000 BUKIT MERTAJAM, SEBERANG PERAI TENGAH

No Akaun : 8647
Peminjam : LIM CHENG HEE - 771227075927
C-4-5 TAMAN SRI SETIA
11200 PULAU PINANG
Penjamin 1 : POR EWE HUAT - 550428075545
196 BATU 16 1/4, JALAN KODIANG,
06000 JITRA, KEDAH
Penjamin 2 : BRIAN WALTER JACOBS - 750103075471
26Q CODRINGTON AVENUE
10350 PULAU PINANG

No Akaun : 8662
Peminjam : SHAHRUL AMRI BIN MOHAMAD - 791130075371
DKT 321 JALAN TELUK BAHANG
11050 PULAU PINANG
Penjamin 1 : MOHAMAD BIN LAMINGON - 520321015705
33 LORONG PERMAI 2, TAMAN BUKIT GAMBIER 11700 PULAU PINANG
Penjamin 2 : AWIS KHARNI BIN NURUDDIN - 710211075739
3C-32-01 TAMAN BUKIT JAMBUL ,
JALAN RUMBIA, BAYAN LEPAS
11900 PULAU PINANG

No Akaun : 8663
Peminjam : KHOW LIAN LIAN - 810304075138
NO 22, LORONG SRI KIJANG,
TAMAN SRI KIJANG 14000 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 1 : KHOW SWEE GUAN - 750526075115
NO. 22 LORONG SRI KIJANG,
TAMAN SRI KIJANG 14000 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 2 : KHOW SWEE HUAT - 780524075071
NO. 22 LORONG SRI KIJANG,
TAMAN SRI KIJANG 14000 BUKIT MERTAJAM

No Akaun : 8704
Peminjam : WEE SEOW FONG - 801109075365
692-V MOUNT ERSKINE
10470 PULAU PINANG
Penjamin 1 : LOH AI TIN - 550409075160
BLOK 10-04-11 , LINTANG KG RAWA 2, HALAMAN DAMAI 10150 PULAU PINANG
Penjamin 2 : CHONG AH MENG - 540615025667
BLOK C-2-11A , RUMAH PANGSA PADANG TEMBAK 11400 AIR ITAM, PULAU PINANG

No Akaun : 8733
Peminjam : LEE WAI FENG - 780807075776
NO.3V JALAN DELIMA, ISLAND GLADES,
11700 PULAU PINANG.
Penjamin 1 : LEE WAI PHENG - 701116075154
NO. 3V JALAN DELIMA 11700 ISLAND GLADES, PULAU PINANG
Penjamin 2 : CHAN KUD CHEONG - 720809075011
D-3-13 LORONG TENGGIRI 1,
13700 SEBERANG JAYA,
SEBERANG PERAI TENGAH

No Akaun : 8763
Peminjam : FONG KEAN WAH - 790618075602
305-3-13 KRYSTAL VILLA,
JALAN SULTAN AZLAN SHAH
11900 SUNGAI NIBONG, PULAU PINANG
Penjamin 1 : CHOO KAM FUAT - 570417075425
A305-3-14 KRISTAL VILLA,
JALAN SULTAN AZLAN SHAH
11900 PULAU PINANG
Penjamin 2 : CHAN BOON WAY - A3793590
NO.10 PERAK LANE
11600 PULAU PINANG

No Akaun : 8780
Peminjam : YEOH BOON KWANG - 810607075573
25 JALAN BUKIT MINYAK 17,
TAMAN BUKIT MINYAK INDAH
14000 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 1 : YEOH KOK KIN - 571031075363
303-3-5 TAMAN GREEN FIELD,
JALAN THEAN TEIK, AIR ITAM
11500 PULAU PINANG
Penjamin 2 : LAI YEK YING - 640912085664
303-2-12 TAMAN GREEN FIELD, JALAN THEAN TEIK, AIR ITAM 11500 PULAU PINANG

No Akaun : 8799
Peminjam : CHEONG MEE FONG - 790819075094
NO. 1 JALAN EMAS 15, TAMAN SRI SKUDAI 81300 SKUDAI, JOHOR
Penjamin 1 : CHEONG KONG TUCK - 730917075667
10-5-3 SOLOK SUNGAI ARA 2,
11900 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG
Penjamin 2 : CHEE KOK FANG - 791125075553
NO. 16 MEDAN FESTTES,
11200 TANJUNG BUNGAH, PULAU PINANG

No Akaun : 8323
Peminjam : SIRVEEN KAUR RANDHAWA A/P MUDA SINGH - 781020075814
NO. 73 LORONG 23, TAMAN PATANI JAYA
08000 SUNGAI PETANI, KEDAH
Penjamin 1 : SATHPAL SINGH A/L AMAR SINGH - 640818075013
J-15-17 JALAN PADANG TEMBAK 11400 AYER ITAM, PULAU PINANG
Penjamin 2 : BALVINDER SINGH A/L AMAR SINGH – 610328075013 (MENINGGAL DUNIA)
46-G-17 DESA GREEN, JALAN VAN PRAAGH, JELUTONG
11600 PULAU PINANG

No Akaun : 8472
Peminjam : MURALITHARAN A/L MUNIANDY - 760710085363
22 LORONG BUKIT PANCHOR 7, TAMAN BUKIT PANCHOR
14300 NIBONG TEBAL, SPS
Penjamin 1 : AIDIL ADZHAR BIN ABU SAMAH - 760710085363
253 KAMPUNG LINTANG, PETRA JAYA 93050 KUCHING, SARAWAK
Penjamin 2 : TELEMACHUS LO - 710304135059
FM 308 BLOK M COURTYARD SANCTUARY, BATU KAWAH NEW TOWNSHIP, JALAN BATU KAWA 93250 KUCHING, SARAWAK

# TAWARAN PENGECUALIAN FAEDAH BAGI SEMUA PEMINJAM PINJAMAN PENUNTUT NEGERI PULAU PINANG

## Mulai 1 September 2013 hingga 31 Disember 2013

Kerajaan Negeri Pulau Pinang menawarkan pengecualian faedah bagi peminjam-peminjam yang bersetuju menyelesaikan keseluruhan baki pinjaman atau tunggakan pinjaman secara sekaligus (*Lump Sum*).

Sebarang pertanyaan atau maklumat lanjut sila hubungi Pentadbiran ini seperti di bawah :

Alamat
Unit Pinjaman Penuntut
Bahagian Khidmat Pengurusan dan Kewangan
Pejabat Setiausaha Kerajaan
Negeri Pulau Pinang
Tingkat 29, KOMTAR
10503 PULAU PINANG

Telefon
04-6505165 / 5391 / 5599 / 5627
Faks
04-2613453
Email
farahhanim@penang.gov.my
rizalazli@penang.gov.my
roos@penang.gov.my

# P. Pinang-Austria bincang bawa masuk pelaburan

Oleh: **AHMAD ADIL MUHAMAD**

**GEORGE TOWN -** Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng menerima kunjungan hormat daripada duta Austria, Christophe Ceska di sini baru-baru ini.

Dalam pertemuan tertutup tersebut, Guan Eng dan Ceska membincangkan hubungan dua hala di antara Pulau Pinang dan Austria bagi membawa masuk pelaburan ke negeri ini.

Katanya, Pulau Pinang sentiasa menjadi tumpuan dan kami (Kerajaan Negeri) bekerja keras untuk memenuhi amanat yang diberikan oleh rakyat.

"Pulau Pinang merupakan sebuah negeri paling sesuai kerana semua pihak mempunyai peluang yang sama di sini," katanya ketika menerima kunjungan hormat tersebut di sini baru-baru ini.

Sebelum ini, Guan Eng bersama-sama delegasi Kerajaan Negeri mengadakan lawatan ke ibu negara Austria, Vienna bagi membawa masuk pelaburan sebuah syarikat pembuatan elektronik terkemuka, AT&S.

Dalam pada itu, Ceska menyatakan bahawa Pulau Pinang telah membuat satu kemajuan besar dan beliau percaya bahawa di bawah pentadbiran Guan Eng, negeri ini dipercayai dapat berkembang sebagai tunggak Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER).

Turut sama dalam pertemuan itu, Kaunselor Komersial Austria di Kuala Lumpur, Werner Somweber dan Hussain Abdul Aziz (Konsul Kehormat Austria di Pulau Pinang).



KETUA Menteri menyerahkan cenderamata berupa replika beca kepada Christophe Ceska pada kunjungan hormat beliau di sini baru-baru ini.

Somweber berkata, pihaknya bakal mengadakan lawatan ke negeri ini sekali lagi pada tahun hadapan untuk seminar susulan.

"Selain sektor elektronik, Pulau Pinang boleh juga mendirikan bilik pameran lekapan berasaskan pokok pain yang terkenal di Austria," akhiri Somweber baru-baru ini.

## AS kekal pelabur asing ulung tahun 2014



KETUA Menteri berjabat tangan dengan Joseph Y. Yun pada pertemuan khas di sini baru-baru ini

Oleh: **AINUL WARDAH SOHILLI**

**GEORGE TOWN –** Amerika Syarikat (AS) akan kekal sebagai pelabur asing ulung di Malaysia tahun hadapan berikutan trend pelaburan dan aktiviti ekonomi yang amat menggalakkan sepanjang tahun ini.

Kenyataan tersebut dinyatakan Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng sejurus selepas mengadakan pertemuan bersama Duta Besar AS di Malaysia, Joseph Y. Yun di sini baru-baru ini.

Beliau berkata, selain sektor elektrikal dan elektronik (E&E), terdapat juga syarikat-syarikat dari AS yang berminat untuk melabur dalam sektor pelancongan kesihatan serta penjagaan kesihatan.

"Ini (perkembangan terkini) amat positif apabila mereka (AS) berminat untuk mengembangkan pelaburan dan perniagaan di Pulau Pinang.

"Selain mempunyai modal insan berkaliber, kita (Pulau Pinang) menawarkan juga kemudahan infrastruktur yang efisien dan persekitaran mesra pelaburan dalam usaha mengeratkan hubungan dua hala (antara Pulau Pinang dan AS)," katanya di sini baru-baru ini.

Dalam pertemuan tertutup tersebut, Ketua Menteri turut meluangkan masa kira-kira sejam dalam sesi dialog bersama *American Malaysian Chamber of Commerce* (AMCHAM).

Selain membincangkan elemen pengukuhan hubungan dua hala, dialog turut berkisar mengenai inisiatif dan sumbangan syarikat-syarikat dari AS dalam meningkatkan standard ekonomi di Pulau Pinang sekaligus meningkatkan usahasama antara pelabur.

## Majlis khas peringati ulang tahun ke-100 Perang Dunia Pertama

Oleh: **AHMAD ARAFAT ESAH**

**GEORGE TOWN-** Kerajaan Negeri (KN) berhasrat mengadakan majlis khas bagi memperingati ulang tahun ke-100 tenggelamnya Kapal Perang Rusia, Zhemchug di perairan Pulau Pinang semasa Perang Dunia Pertama.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, acara itu akan diadakan dalam tempoh dua tahun lagi iaitu pada ulang tahun ke-100 Perang Dunia Pertama di negeri ini.

"Ini adalah kerana Rusia menpunyai hubungan sangat erat dengan Pulau Pinang di awal Perang Dunia Petama.

"Justeru, kami (KN) akan mengadakan sambutan ulang tahun ke-100 bagi mengenangkan peristiwa sedih itu," ujarnya ketika menghadiri Majlis Makan Tengahari Bersama Wakil-wakil 19 Kesatuan Eropah (EU) sempena sambutan *2013 EU-Penang Day* di sini baru-baru ini.



LUC Vandebon.

Majlis makan tengahari yang dihadiri 12 negara tersebut diketuai Ketua Deligasi EU ke Malaysia, Luc Vandebon.

EU dan negara-negara ahlinya telah menjalinkan kerjasama erat dengan Kerajaan Malaysia di peringkat persekutuan. Malah, *EU – Penang Day* merupakan platform yang dapat digunakan bagi bertukar-tukar maklumat dan berbincang mengenai inisiatif bagi meluaskan kerjasama sudah sedia terjalin tersebut.

Dalam pada itu, Vandebon dalam ucapannya melahirkan hasrat menjadikan *EU – Penang Day* sebagai acara tahunan dengan menjanjikan saiz delegasi yang lebih besar pada tahun-tahun mendatang.

"Saya berharap kita (EU) dapat mengadakan majlis seperti ini sebagai acara tahunan dengan melibatkan lebih ramai delegasi dengan bermodalkan motivasi serta cita-cita yang lebih tinggi," ujarnya.

# PENBAR tetap diteruskan

Oleh: **AHMAD ARAFAT ESAH**

**GEORGE TOWN –** Walaupun menerima maklum balas dingin daripada pengusaha-pengusaha perniagaan di sini, Kerajaan Negeri tetap bertekad mewartakan kawasan Tapak Warisan Dunia UNESCO sebagai kawasan bebas asap rokok di bawah program Pulau Pinang Bebas Asap Rokok (PENBAR) berkuatkuasa 1 Januari 2014.

Exco Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar, Phee Boon Poh berkata, inisiatif tersebut dimulakan sejak 2009 yang mana pelbagai program berterusan untuk mendidik, memberi amaran dan peringatan kepada perokok telah dijalankan demi memastikan kesihatan penduduk di negeri ini terjamin.

"Kami tidak berada di sini untuk menjadi popular, sebaliknya untuk melaksanakan dasar-dasar terbaik bagi penduduk Pulau Pinang.

"Jika di Hatyai, Thailand yang majoriti penduduk dan pelancong adalah perokok boleh melaksanakan akta ini, saya pasti kita (Pulau Pinang) akan dapat melakukannya," katanya pada Sesi Dialog Terbuka PENBAR di sini baru-baru ini.

Turut hadir, Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin, Ketua Pegawai Eksekutif Lembaga Promosi Kesihatan Malaysia (MySIHAT), Datuk Dr. Yahya Baba, Pengarah Kesihatan Negeri, Datuk Dr. Lailanor Ibrahim dan Ketua Penolong Pengarah Kanan Unit Kawalan Penyakit Tidak Berjangkit, Jabatan Kesihatan Negeri, Dr. Azizah Ab. Manan.



PHEE Boon Poh (dua dari kanan) menerima memorandum bantahan daripada Too Koon Ku (kiri sekali) sambil diperhatikan Dr. Afif Bahardin (kanan sekali) pada Sesi Dialog Terbuka PENBAR di sini baru-baru ini.

Pengerusi Kedai Kopi Foo Chew yang juga Persatuan Pemilik Kedai Kopi Malaysia-Singapura, Too Koon Ku turut menyerahkan memorandum bantahan berhubung pelaksanaan program berkenaan kepada Boon Poh pada sesi dialog berkenaan.

Boon Poh yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Puyu merayu agar para pengusaha dapat bersatu hati dalam menjayakan program tersebut demi kelangsungan generasi akan datang.

Malah, beliau turut menyarankan agar para perokok yang ingin berhenti merokok supaya berkunjung ke klinik-klinik berhenti merokok disediakan Kementerian Kesihatan Malaysia.

# Sony anjur gotong-royong, promosi kitar semula

Oleh: **AHMAD ADIL MUHAMAD**

**JAWI-** Inisiatif syarikat elektronik, Sony EMCS Malaysia Sdn. Bhd. PG Tec (Sony) yang bekerjasama dengan Kerajaan Negeri dan persatuan penduduk bagi menjaga kebersihan dan kesihatan sejagat diharap boleh dicontohi kilang-kilang lain di sini.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Jawi, Soon Lip Chee berkata, program tanggungjawab sosial tersebut amat dihargai dan menepati slogan Pulau Pinang Bersih, Hijau, Sihat dan Selamat sebagaimana dilaungkan Kerajaan Negeri.

"Dalam penganjuran Program Gotong-royong Taman Desa Jawi di sini baru-baru ini, seramai 100 pekerja syarikat bersama-sama Pusat Khidmat Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Jawi dan penduduk sekitar terlibat.

"Program tanggungjawab sosial ini patut diteruskan dan diadakan di kawasan-kawasan lain bagi membantu Kerajaan Negeri mencapai visinya," katanya ketika ditemui di sini baru-baru ini.

Turut hadir, Pengarah Perkhidmatan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Ir. Rosnani Mahmod, Nakazawa (Naib Presiden Sony) dan H'ng Mooi Lye (Ahli Majlis MPSP).

Pertandingan mewarna kanak-kanak berumur bawah 12 tahun turut diadakan bagi menanam kesedaran menjaga alam sekitar di peringkat awal.



SEBAHAGIAN peserta dengan peralatan masing-masing memberikan gaya menarik pada Program Gotong-royong Taman Desa Jawi di sini baru-baru ini

Penyampaian hadiah pertandingan tersebut disempurnakan Rosnani dengan hadiah ditaja pihak Sony.

Dalam pada itu, Nakazawa memberitahu bahawa Sony merupakan sebuah kilang yang sangat efektif dalam mempromosikan kitar semula.

"Kita haruslah berkerjasama termasuklah kilang-kilang, persatuan penduduk dan badan bukan kerajaan (NGO) untuk menjadikan negeri ini sebuah tempat yang lebih baik dan bersih untuk didiami," ujarnya.

# Pasukan bola tampar berentap selepas 13 tahun

Oleh: **WATAWA NATAF ZULKIFLI**

**BATU UBAN -** Setelah 13 tahun tidak menghantar sebarang penyertaan, tahun ini, kontinjen Pulau Pinang menyahut cabaran untuk berentap dalam Kejohanan Bola Tampar Kebangsaan 2013 yang berlangsung pada penghujung November hingga awal Disember ini.

Ekoran itu, Pulau Pinang mengambil bahagian dalam tiga kategori utama iaitu Lelaki Bawah 16 tahun, Lelaki bawah 14 tahun dan Wanita bawah 16 tahun yang berlangsung di Kuala Selangor, Selangor dan Taiping, Perak.

Pengarah Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang (MSNPP), Frederick Tan Teck An berkata, beliau yang turut turun ke gelanggang latihan di Kampung Buah Pala di sini yakin dengan kerja keras dan komitmen ditunjukkan setiap pemain bagi mencapai kecemerlangan pada kejohanan kelak.

"Saya sendiri hadir melihat latihan gigih para atlet demi menaikkan semula martabat sukan bola tampar di Pulau Pinang setelah sekian lama tidak mengambil bahagian," ujarnya pada Majlis Penyerahan Bendera Kepada Pasukan Bola Tampar Pulau Pinang di pejabat MSNPP di sini baru-baru ini.

Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) dan GSH Precision Tech Sdn. Bhd. turut menaja serta jersi pasukan.

Teck An dalam pada itu turut menasihatkan para pemain supaya tidak memikirkan kekuatan lawan, sebaliknya bagaimana hendak menewaskan lawan serta kekal fokus dalam setiap perlawanan.

"Pencabar juga pasti akan berasa sukar dan takut dengan kehadiran semula pasukan kita (Pulau Pinang) yang pernah digeruni satu ketika dahulu.

"Setelah sekian lama tidak mengambil bahagian, kekuatan kita tidak diketahui lawan dan saya amat percaya kepada barisan jurulatih yang diketuai bekas jurulatih kebangsaan, Liew Kok How untuk memberi persembahan terbaik," ujarnya.

Mengulas lanjut, Kok How meletakkan sasaran sekurang-kurangnya pasukannya layak sehingga ke peringkat separuh akhir.

"Itu sasaran saya dan kalau lebih dari itu, bolehlah dianggap sebagai bonus.

"Kejohanan ini dilihat begitu penting setelah kali terakhir pasukan kita (Pulau Pinang) mengecapi kemenangan pada 1996," jelas beliau yang pernah memenangi kejohanan peringkat kebangsaan ketika mewakili Pulau Pinang sebelum ini.

Jelas Kok How, beliau hanya diberi tempoh masa tiga bulan bagi membentuk skuad yang mantap bagi menghadapi kejohanan tersebut setelah menyahut cabaran MSNPP dan meninggalkan kem kebangsaan di Bukit Jalil, Selangor.



**PASUKAN Lelaki dan Wanita Bola Tampar Pulau Pinang yang bakal berentap dalam Kejohanan dalam Bola Tampar Kebangsaan 2013 di Selangor dan Perak.**

## Penajaan harap galak belia sertai sukan tenis

Oleh: **AHMAD ARAFAT ESAH**

**GELUGOR –** Penganjuran terbesar kejohanan *30th Penang Open International Junior's Age Group Tennis Championship 2013* menerima suntikan dana sebanyak RM35,000 daripada Kerajaan Negeri di sini baru-baru ini.

Exco Belia & Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga & Komuniti, Chong Eng berkata, kejohanan selama lima hari yang memperlihatkan 15 kategori dipertandingkan adalah kejohanan terbesar dianjurkan dalam negara setakat ini.

"Seramai 155 peserta dari lebih 13 negara seluruh dunia dan 248 peserta dari 12 negeri dalam negara menyertai kejohanan ini.

"Justeru, bagi menggalakkan penglibatan belia dalam aktiviti sukan seperti ini, Kerajaan Negeri telah menyumbangkan sebanyak RM35,000 bagi menjayakan program tersebut," katanya pada majlis sidang media di sini baru-baru ini.

Pada kejohanan tersebut, juara kategori Lelaki Perseorangan 10 Tahun dan ke bawah adalah Sim Woohyuk dari Korea; juara kategori Lelaki Perseorangan 12 Tahun dan ke bawah, Homin Kwang (Korea); juara kategori Lelaki Perseorangan 14 Tahun dan ke bawah, Sherzodbek Radjabov (Uzbekistan), juara kategori Lelaki Perseorangan 16 Tahun dan ke bawah, Linh Giong Trinh (Vietnam).

Juara kategori Perempuan Perseorangan 10 Tahun dan ke bawah, Boyoung Jeong (Korea), juara kategori Perempuan Perseorangan 12 Tahun ke bawah, Seoyoung Kim (Korea), juara kategori Perempuan Perseorangan 14 Tahun dan ke bawah, Maja Gledic (Russia), juara kategori Perempuan Perseorangan 16 Tahun dan ke bawah, Michelle Li Sha Khoo (Malaysia).

Dalam pada itu, Naib Pengerusi 2 Persatuan Lawn Tenis Pulau Pinang, Ong Hock Keat berkata, kejohanan berkenaan memberi pengalaman serta meningkatkan prestasi pemain tenis junior dalam negara khususnya untuk bersaing di peringkat antarabangsa.

"Saya melahirkan rasa berterima kasih kepada Kerajaan Negeri kerana sudi menaja kejohanan ini," ujar beliau.




**POSTER *30th Penang Open International Junior's Age Group Tennis Championship 2013* yang berlangsung di sini baru-baru ini.**

## Wujud persekitaran terbaik bagi ibu menyusu

Oleh: **NORSHAHIDA YUSOFF**

**KEBUN BUNGA -** Minggu Penyusuan Susu Ibu Sedunia 2013 berlangsung dengan jayanya di perkarangan sebuah kompleks membeli-belah terkemuka di sini baru-baru ini dengan kehadiran kira-kira 50 ibu bersama anak-anak kecil masing-masing bagi menjayakan 'penyusuan ibu serentak selama satu minit'.

Tidak ketinggalan adalah ibu-ibu dari seluruh negara yang turut menyusui bayi masing-masing secara serentak pada waktu sama.

Exco Belia & Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga & Komuniti, Chong Eng semasa perasmiannya berkata, *Mother To Mother Peer Support* (MMPS) merupakan satu momentum yang menjadikan Pulau Pinang sebuah negeri mesra penyusuan ibu hari ini.

"Kita (Pulau Pinang) berharap untuk menjadi negeri pertama di Malaysia yang mewujudkan persekitaran terbaik bagi wanita atau para ibu untuk mengamalkan penyusuan berharga buat bayi mereka.

"Bayi adalah suatu anugerah yang tidak ternilai dan memerlukan khasiat susu ibu sepenuhnya bagi memperolehi zat.

"Oleh itu, adalah menjadi tanggungjawab keluarga, masyarakat dan negara untuk memastikan serta menyediakan ibu-ibu dengan persekitaran yang kondusif bagi tujuan penyusuan," katanya di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Pengarah *World Alliance for Breastfeeding Action and Right Livelihood College* (WABA), Prof. Datuk Anwar Fazal.

Dalam usaha menjadikan Pulau Pinang mesra penyusuan, pelbagai program telah dijalankan demi menjayakan misi tersebut seperti kelas penyusuan percuma dan menyediakan Bilik Laktasi di Komtar.

Pada program anjuran MMPS bersama Kerajaan Negeri tersebut turut diisi dengan pelbagai aktiviti menarik antaranya informasi dan forum penyusuan serta sesi bergambar bersama si cilik.




**SALAH seorang ibu menunjukkan notis penyusuan 100 peratus susu ibu sambil mendukung bayinya bagi menjayakan Hari Penyusuan Susu Ibu Sedunia 2013 di sini baru-baru ini.**

# Air bah tidak luntur semangat penternak ikan keli



KOLAM ikan keli peliharaan Omar Harun.

Oleh: **YAP LEE YING**
Foto: **IDZHAM AHMAD**

**LUMRAHNYA,** ramai yang berminat untuk mengusahakan penternakan ikan air tawar, namun, tidak ramai yang berjaya kekal atau terus berkecimpung dalam bidang tersebut.

Ternyata cabaran seperti kos harga makanan pelet tinggi, serangan penyakit dan faktor bencana alam banyak mematahkan semangat yang disemai seseorang penternak.

Bagaimanapun, berbeza bagi Omar Harun, 56, dan rakan kongsinya, Shah Abdullah Othman, 58, yang telah terlibat dalam bidang berkenaan sejak tahun 1996.

Pada sesi wawancara yang dijalankan, Omar tidak dapat hadir ekoran terikat dengan urusan keluarga. Maka, hadir memberi penjelasan kepada Buletin Mutiara adalah Shah Abdullah (Shah) yang juga adik ipar Omar.

Berasaskan pengalaman lampau, Shah menyatakan bahawa mereka kini menumpukan kepada penternakan ikan keli yang mana lebih mudah diurus dan masa 'tuaian' yang jauh lebih singkat.

Jelas beliau, ikan keli hanya memerlukan tempoh masa dua bulan untuk dijual berbanding lain-lain ikan seperti talapia dan puyu, enam hingga lapan bulan.

Tambahan pula, ikan keli jenis yang tidak manja. Ia hanya perlu diberi makan sekali sehari sama ada pelet mahupun perut ayam yang diproses.

"Dalam tempoh 60 hari, berat ikan keli mampu capai 1 kilogram (kg) iaitu saiz yang paling sesuai dijual kepada pengusaha-pengusaha restoran.

"Kalau besar sangat orang tak mahu," katanya ketika ditemui di kolam ikannya yang terletak di Pekan Bumbung Lima, Kepala Batas.

Menurut Shah, pasaran beliau kini adalah di Sungai Petani, Seberang Perai Utara (SPU) dan Kampung Tanjung Rambai, Bumbung Lima.



ANAK-anak ikan keli.

"Memang terdapat banyak permintaan dari lain-lain tempat, namun, bekalan yang ada hanya mencukupi untuk pasaran tempatan sahaja," jelasnya yang mempunyai perancangan untuk menambah bilangan kolam, namun tidak mampu ekoran kapasiti tanah yang amat terhad.

Bercerita mengenai pengalaman ketika mula bergiat dalam bidang tersebut, Shah memberitahu, selepas berhenti dari askar, abang iparnya, Omar mula berjinak-jinak dalam bidang penternakan ikan air tawar atas dasar minat dan juga bagi menambah pendapatan keluarga.



SHAH Abdullah Othman.

"Beliau membuat sendiri kolam ikan ternakannya yang mana hanya bahagian tepi disimen manakala dasar tanahnya dikekalkan bagi mempercepatkan tumbesaran ikan.

"Hasil kesungguhannya, terdapat kira-kira 30,000 hingga 40,000 ikan keli pelbagai peringkat diternak di kolam beliau kini," ujar Shah sambil menyatakan bahawa sumber air kolam adalah dari Sungai Muda.

Selain menjadi bahan makanan burung, cabaran yang dihadapi Shah dan Omar adalah purata jumlah ikan yang mampu hidup.

"Daripada jumlah keseluruhan anak-anak ikan yang dilepaskan, hanya 1/3 sahaja akan hidup.

"Ikan keli jenis 'makan kawan'. Maknanya, ia akan lawan sampai mati ikan yang lebih kecil untuk dijadikan bahan makanan.

"Justeru, ikan-ikan yang dipelihara perlu diasingkan mengikut saiz masing-masing," kata beliau.

Selain itu, serangan penyakit berjangkit seperti kudis memerlukan rawatan khas menggunakan ubat-ubatan khas.

Berkongsi pengalaman sebelum ini, Shah memberitahu bahawa kolamnya pernah 'dimakan' banjir sebanyak empat kali.

"Selepas bah, kami datang tengok ikan, suasana kolam amat sunyi kerana semua ikan telah dihanyutkan arus.

"Bagaimanapun, kami tidak putus asa ekoran minat yang mendalam dan juga memperoleh sokongan moral daripada keluarga dan Jabatan Perikanan yang gantikan balik benih-benih ikan yang hilang," katanya bahawa bidang ternakan juga memperuntukan daya kreativiti serta kesungguhan seseorang penternak.

Contohnya, hasil kajian lanjut dan semangat ingin belajar Omar, beliau mencipta sendiri saluran makanan ke kolam-kolam ikan peliharaannya.

Malah, Omar turut membiak sendiri benih ikan keli peliharaannya.

"Langkah pertama adalah urut bahagian perut ikan betina yang didapati telah mempunyai telur untuk mengeluarkan telur-telurnya yang berbentuk bulat dan berwarnan kehitam-hitaman.

"Selepas itu, belah perut ikan keli jantan untuk mendapatkan sperma ia untuk digaulkan sekali dengan telur yang dikeluarkan tadi. Sejenis bahan kimia turut dimasukkan bersama.

Selepas tempoh 24 jam, telur-telur tersebut akan menetas," jelasnya sambil menyatakan bahawa sebahagian ikan keli akan bertukar warna kepada perang muda apabila mengjangkau usia setahun.

Bagi maklumat lanjut, sila hubungi Omar di talian **012-4560031** atau **Shah, 012-5120615.**



IKAN keli yang sedia untuk dipasarkan.

# Malik Faisal pembuat bot *fiberglass* tempatan



MALIK Faisal Abdul Rahim semasa diwawancara di Pejabat PERDASAMA dekat Lebuh Buckingham, George Town baru-baru ini.

**BELIAU** pernah mencadangkan satu sistem pengangkutan pantai diwujudkan di Pulau Pinang selepas Kerajaan Negeri berpindah tangan beberapa tahun lepas.

Exco Pembangunan Pelancongan dan Kebudyaan, Law Heng Kiang sendiri menyatakan minat pada cadangan itu demi mengembangkan potensi pelancongan di negeri ini.

Sejak itu, beliau dipelawa menganggotai Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) Pembangunan Pelancongan, walaupun cadangan itu masih dipertimbang untuk dilaksanakan.

Peribadi yang dimaksudkan adalah Malik Faisal Abdul Rahim, 38.

"Cadangan itu memang pernah disuarakan dan Y.B. Danny (Heng Kiang) telah melakukan sebaik mungkin untuk merealisasikan cadangan tersebut.

"Pantai-pantai di Pulau Pinang semuanya cantik, sebab itu diburu oleh pelancong dalam negara dan luar.

"Sebab itu kita cadang projek ini, kita panggil pengangkutan itu *'water cruise'* macam ala-ala teksi pelancongan, biar nampak lain dari negeri-negeri lain," ujar Malik Faisal semasa diwawancara oleh wartawan Buletin Mutiara (BM), **ZAINULFAQAR YAACOB** di George Town baru-baru ini.

Beliau memuji inisiatif pentadbiran Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng kerana giat memberi tumpuan pada mengembangkan potensi sektor pelancongan di negeri ini.

**Malik adalah anak kelahiran Jelutong.**

Beliau mempunyai isteri dan sepasang anak, lelaki (11 tahun) dan perempuan (9 tahun).

Anak muda ini mendapat pendidikan menengah di Sekolah Vokasional Batu Lanchang, dalam jurusan automotif.

Selepas itu, beliau melanjutkan pelajaran di Institut Latihan Perindustrian (ILP) kampus Kuala Lumpur, dalam jurusan yang sama.

Selepas bergelar graduasi, beliau terus terjun dalam sektor perindustrian.

Beliau pernah bekerja di beberapa industri, antaranya *ASE Semiconductor,* Bayan Lepas.

Selepas itu, beliau dilantik menjadi perunding mekanikal di *Everthecnology SDN. BHD* dekat Batu Maung.

Beliau tidak lama di situ. Beliau kemudiannya menubuhkan *Nothen Technology,* iaitu syarikat pembuatan berasaskan *fiberglass* atau kaca serat pada tahun 2008 di Batu Maung, Bayan Lepas.

"Bekerja makan gaji memang sangat baik, tetapi, kalau nak berjaya perlu berniaga. Berniaga itu *sunnah*.

"Kita berkemampuan membuat semua barang berasaskan *fiberglass,* dari jenis tangki ternak ikan sampailah pada membina bot *fiberglass*," ujar Malik Faisal.

**Tanggungjawab sosial**

Walaupun sibuk dalam dunia korporat, Malik Faisal tidak pernah lupa mengenai tanggungjawab kepada *ummah*.

Malik merupakan Setiasuaha Persatuan Pedagang dan Pengusaha Melayu Malaysia (PERDASAMA) Pulau Pinang sejak tahun tahun 2009 hingga sekarang.

Menurut beliau, 428 ahli, terdiri oleh kontraktor, usahawan, pengusaha industri kecil dan sederhana (IKS) serta peniaga berpayung di PERDASAMA.

"Ini tanggungjawab kita untuk *ummah*. Kita bantu dari segi khidmat kepakaran serta pemudah cara untuk mendapatkan pinjaman mikro kredit daripada BSN (Bank Simpanan Nasional), Agro Bank, SME Bank dan agensi kerajaan yang berkaitan.

"Sebenarnya PERDASAMA ini sama dengan Dewan Perniagaan Melayu Malaysia Pulau Pinang. Cuma fungsinya lebih kepada untuk membantu Melayu Pulau Pinang, khususnya kelas menengah dan ke bawah," ujar beliau.

Untuk menjadi ahli PERDASAMA, seseorang itu perlu berniaga dan mempunyai pendaftaran perniagaan di bawah Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM).

RM30 yuran pendaftaran. Manakala, RM30 lagi yuran tahunan jika syarikat berstatus *Enterprise* dan RM50 jika syarikat berstatus sendirian berhad.

Selain giat aktif dalam pertubuhan keusahawanan, Malik turut memainkan peranan penting dalam bidang pendidikan belia.

Atas kedudukannya sebagai Setiausaha Eksekutif Yayasan Bina Ilmu, pasukannya giat mengadakan program motivasi serta berorientasikan pendidikan peringkat sekolah.

**Bina Tenaga Pakar Tempatan**

Dalam pada itu, Malik Faisal turut memuji komitmen Kerajaan Negeri menyumbang pukat kepada nelayan pantai sebelum ini.

Malah, katanya, inisiatif Kerajaan Negeri membantu nelayan pantai memulihara bot serta kelengkapan lain akibat bencana ribu baru-baru ini wajar dipuji.

"Atas pengalaman peribadi, baiki bot umpamanya, kos upah memang mahal. Tetapi, kalau kepakaran ini dikongsi dengan nelayan-nelayan pantai di negeri ini, ia dapat menjimatkan kos penyelenggaraan bot-bot nelayan.

"Sebenarnya, mereka boleh baiki sendiri dengan kos yang rendah, jika dikongsi kepakaran ini sebagaimana yang saya kongsikan dengan pensyarah-pensyarah di Kolej Komuniti sebelum ini," ujarnya.

**Pandang serong**

Secara peribadi, beliau berkata pentadbiran Kerajaan Negeri hari ini jauh lebih baik berbanding sebelumnya.

Namun, beliau berkata, pendapat peribadi itu tidak boleh menjernihkan pandangan serong pihak tertentu kepada dirinya.

"Saya memang komited bekerjasama untuk membina keyakinan usahawan-usahawan Melayu terhadap integriti Kerajaan Negeri hari ini.

"Atas sebab itu, saya turut menyertai Jawatankuasa Promosi Perdagangan di bawah Datuk Abdul Malik Abul Kassim (Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna)," kata Malik Faisal sambil merakamkan penghargaan kepada Kerajaan Negeri.

**Harapan**

Malik Faisal berkata, PERDASAMA hatta beliau sendiri mempunyai banyak harapan untuk dikongsi dengan Kerajaan Negeri.

Itu, termasuk cadangan semula mewujudkan *street market* dekat Jalan Phee Choon, Lebuh Buckingham dan Lebuh Acheh dengan kerjasama semua pihak berwajib.

"Saya lihat identiti umat Islam boleh berkembang dalam dalam zon pelancongan dunia di George Town ini jika kita sama-sama berusaha mewujudkan beberapa *street market* ini.

"Kita ada tanah wakaf di sini (George Town). Kita ada premis di bawah Baitulmal di sini. Di sini sudah menjadi pusat pelancongan dunia, Cuma apa yang penting ialah bagaimana kaedah kita memanfaatkannya selari dengan hasrat Kerajaan Negeri.

"Saya boleh membayangkan kejayaan kita mewujudkan identiti umat Islam di tengah-tengah George Town Tapak Warisan Dunia UNESCO ini jika semua MMK berwajib bersama-sama MAINPP (Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang)," ujar beliau.

# Pemilik papan iklan diseru kemuka permohonan

Oleh: **ZAINULFAQAR YAACOB**

**BUKIT MERTAJAM–** Sebanyak 70 papan iklan haram di sekitar Seberang Perai dirobohkan penguatkuasa Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) dalam satu operasi 'Perang Papan Iklan Haram' bermula 30 September hingga 18 November lepas.

Justeru, Yang di-Pertua MPSP, Maimunah Mohd. Shariff menasihatkan semua pemilik papan iklan tanpa kebenaran berkenaan supaya mengemukakan permohonan kepada MPSP untuk dipertimbang kelulusan.

"Jika tiada permohonan dikemukakan, langkah seterusnya adalah membawa pemilik papan iklan haram ini ke mahkamah melalui Seksyen 70, Akta Jalan, Parit & Bangunan 1974," ujarnya dalam Mesyuarat Penuh Kali Ke-473 MPSP di sini baru-baru ini.

Hampir semua Ahli Majlis MPSP diketuai Amir Md. Ghazali turut hadir dalam mesyuarat di Kompleks Ibu Pejabat MPSP, Bandar Perda di sini.

Direkodkan, Jabatan Penguatkuasaan MPSP merobohkan 44 papan iklan haram dalam operasi baru-baru ini, manakala, baki 25 lain dirobohkan sendiri oleh pemilik berwajib.

Pun begitu, Maimunah mendedahkan, sebanyak 17 papan iklan haram didirikan semula oleh pemilik berwajib.

"Terdapat beberapa papan iklan haram dinaikkan semula setelah tindakan meruntuh dijalankan...lapan diruntuhkan semula oleh pemunya (manakala) sembilan oleh MPSP," ujar Maimunah.

Pada 25 Oktober lepas, Maimunah berkata, pihaknya telah menulis surat kepada mereka yang tegar mendirikan semula papan iklan haram di tempat sama selepas tindakan penguatkuasaan dan salinan surat serupa turut dipanjangkan kepada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT).

Bercakap dalam satu sidang media selepas itu, Maimunah berkata, MPSP disenarai sebagai ahli dalam *CITYNET* atau *The Regional Network of Local Authorities for the Management of Human Settlements*, iaitu satu pertubuhan antarabangsa.

Pengiktirafan tersebut diperoleh selepas Maimunah sendiri menghadiri 2013 *CITYNET Seoul Congress* di Korea Selatan pada 3 hingga 6 November lepas.

"Artikel dari Seberang Perai telah menarik minat penganjur dan dipilih pihak *CITYNET* untuk dimuatnaik dalam sebuah akhbar antarabangsa (iaitu) *CITYVOICES*," ujar beliau dalam satu sidang media bersama Setiausahanya, Sr. Rozali Mohamud.



**MAIMUNAH Mohd. Sharif (tiga dari kanan) dan Sr. Rozali Mohamud (empat dari kanan) bersama-sama barisan Ahli Majlis MPSP mempamerkan sijil *CITYNET* serta majalah antarabangsa *CITYVOICES* selepas sidang media MPSP di sini baru-baru ini.**

## MPPP jelajah info sistem parkir baru



**PEGAWAI bertugas MPPP memberikan penjelasan berhubung penggunaan gajet mesra pengguna pada Siri Jelajah Sistem Letak Kereta Berkupon di sini baru-baru ini.**

**JELAJAH....** Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) baru-baru ini mengadakan siri jelajah di lima lokasi berlainan bagi memberi pendidikan awam berkenaan Sistem Letak Kereta Berkupon yang bakal dilaksanakannya tahun hadapan.

Siri menumpukan kawasan padat dengan jumlah petak letak kereta dan kawasan perniagaan itu adalah bertujuan memberi kefahaman kepada semua pihak terutamanya umum berhubung kegunaan sistem baharu tersebut.

Sistem kupon dan pas bulanan tersebut bakal digunapakai pada 1 Januari 2014. Turut diperkenalkan adalah gajet mesra pengguna, Sistem Parkir Pintar yang tidak memerlukan penggunaan sistem tiket, syiling dan meter parkir.

Bagi pembelian kupon dan tambah nilai, pembelian boleh dibuat di pasar mini, stesen minyak, pejabat MPPP, pejabat Alam Indah dan restoran 24 jam terpilih.

## Perai ke arah bandar hijau

Oleh: **AHMAD ADIL MUHAMAD**

**PERAI –** Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy berharap penduduk di sekitar sini dapat sama-sama melakukan perubahan di kawasan tersebut bersempena dengan perasmian Program Penghijauan Perai di sini baru-baru ini.

Ramasamy berkata, pelaksanaan inisiatif tersebut amat bersejarah bagi Perai kerana proses penghijauan kawasan ini sedang dimulakan sejajar dengan moto Kerajaan Negeri.

"Saya harap penduduk Perai dapat menjadi warganegara yang bertanggungjawab dalam menjaga kebersihan tanpa terlalu bergantung kepada khidmat Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP).

"Meskipun memang sudah menjadi tugas MPSP menjaga kebersihan di sini, namun reformasi minda juga amat diperlukan kerana penjagaan kebersihan adalah tanggungjawab bersama bermula dengan setiap diri penduduk," katanya di sini.

Tambah beliau, program tersebut haruslah dijadikan titik permulaan untuk mengubah perspektif masyarakat dalam menjaga kebersihan dan kesihatan di negeri ini supaya matlamat projek penghijauan dapat dicapai.

Turut hadir, Pengarah Perkhidmatan Perbandaran, Ir. Rosnani Mahmod dan dua Ahli Majlis MPSP, M. Satees dan P. David Marshel.

Sebagai simbolik majlis perasmian program, Ramasamy dan Rosnani turut menyampaikan anak-anak pokok kepada persatuan penduduk dan badan bukan kerajaan (NGO) serta melepaskan anak-anak ikan.

Turut diadakan adalah pameran gerai informasi MPSP, pameran kesihatan dan pertandingan mewarna untuk kanak-kanak di bawah usia 12 tahun.

Menurut Rosnani, program penghijauan tersebut merupakan langkah ekstensif MPSP bagi tujuan penghijauan dan pembersihan di seluruh kawasan Seberang Perai.

"Melalui aktiviti seperti kitar semula, *urban farming, zero waste* dan *composting*, MPSP komited mempromosikan amalan kebersihan dan kesihatan kepada penduduk Seberang Perai, pengusaha makanan dan kilang-kilang.

"Walaupun MPSP banyak menganjurkan program kebersihan, tetapi ia tidak akan berjaya jika hanya dijalankan secara bermusim sahaja," tegas beliau.



**SEKUMPULAN pelajar lelaki yang menyertai Kem Hafalan al-Quran dan Pemantapan Ibadah dekat sini baru-baru ini.**

# Sebahagian Jalan Kedah ditukar sehala

Oleh: **NORSHAHIDA YUSOFF**

**GEORGE TOWN –** Sebahagian Jalan Kedah menghala ke Jalan Kelantan ditukar menjadi laluan sehala pada tempoh percubaan selama tiga bulan bermula 22 November lalu di sini baru-baru ini.

Pengarah Jabatan Kejuruteraan Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP), Addnan Mohd. Razali berkata, inisiatif tersebut adalah langkah dalam meningkatkan aliran lalulintas di kawasan pulau.

"Arah aliran lalulintas yang bakal terlibat adalah bermula dari premis No. 130 Jalan Kedah sehingga ke Jalan Kelantan," ujarnya pada majlis sidang media pengumuman pertukaran lalulintas tersebut di sini baru-baru ini.

Hadir sama Ahli Majlis MPPP, Harvindar Singh.

Tambah Harvindar, beberapa pertemuan dan perbincangan di antara pihak Majlis dan penduduk telah dilakukan bagi mencari kata sepakat.

"Hasil pertemuan tersebut, penduduk mencadangkan agar jalan ini ditukar menjadi jalan sehala.

"Mereka (penduduk) tidak berpuas hati dengan kesesakan yang dialami saban hari ekoran sistem tempat letak kereta yang tidak teratur," ujarnya.

Tambah Addnan, sebahagian Jalan Kedah akan kekal menjadi dua hala bagi memudahkan penduduk serta penghuni di Jalan Kelantan mengakses ke kediaman masing-masing.



**ADDNAN Mohd. Razali (kiri) menunjukkan peta laluan terlibat sambil ditemani Harvindar Singh pada majlis sidang media pengumuman pertukaran aliran lalulintas di Jalan Kedah di sini baru-baru ini.**

## Pupuk kesedaran keselamatan di awal usia

Oleh: **WATAWA NATAF ZULKIFLI**

**GEORGE TOWN –** Bagi menerapkan kesedaran keselamatan jalanraya dalam kalangan kanak-kanak, Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) dengan kerjasama pertubuhan bukan kerajaan (NGO), *G Club* mengambil inisiatif khas menganjurkan program sedemikian di sini baru-baru ini.



**AKSI para peserta Bengkel Keselamatan Jalanraya Kanak-kanak anjuran MPPP dan *G Club* di sini baru-baru ini.**

Pengerusi *G Club*, Jason Ong berkata, anjuran program Bengkel Keselamatan Jalanraya Kanak-kanak adalah menyasarkan golongan kanak-kanak berusia tujuh hingga 12 tahun.

"Pada hari penganjuran, kumpulan kanak-kanak terbabit diberi peluang menunggang basikal dan mempelajari selok-belok keselamatan jalanraya di Taman Lalulintas MPPP yang terletak di Datuk Keramat di sini.

"Kanak-kanak tersebut dikehendaki menunggang basikal dengan mengikut undang-undang yang terdapat di laluan ini," ujarnya pada penganjuran tersebut di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Tanjung Bungah, Teh Yee Cheu.

Turut menjayakan program berkenaan adalah Polis diRaja Malaysia (PDRM).

Mengulas lanjut, Jason menyatakan bahawa faktor pemilihan umur para peserta adalah berasaskan kajian yang menyatakan bahawa lingkungan usia tersebut merupakan waktu terbaik untuk memupuk keselamatan jalanraya dalam kalangan kanak-kanak.

Dalam pada itu, seorang peserta, Lim Ai Hoon, 12, berkata, beliau amat gembira apabila mendapat pendedahan keselamatan sebagaimana dianjurkan.

"Saya amat gembira kerana dapat menggunakan peluang cuti sekolah seperti ini untuk meningkatkan ilmu tentang keselamatan di jalan raya," jelasnya.


**MAJLIS PERBANDARAN PULAU PINANG**

**IKLAN JAWATAN**

Permohonan adalah dipelawa daripada warganegara Malaysia yang berkelayakan untuk mengisi kekosongan jawatan-jawatan berikut:-

| BIL | NAMA JAWATAN | GRED | TARAF |
|---|---|---|---|
| 1. | Pegawai Perubatan | UD47/48 | Tetap/Kontrak |
| 2. | Pegawai Perubatan | UD43/44 | Tetap/Kontrak |
| 3. | Arkitek | J41 | Tetap/Kontrak |
| 4. | Jurutera | J41 | Tetap/Kontrak |
| 5. | Pegawai Veterinar | G41 | Tetap/Kontrak |
| 6. | Pegawai Undang-Undang | L41 | Tetap/Kontrak |
| 7. | Pegawai Tadbir | N41 | Tetap/Kontrak |
| 8. | Pegawai Perancang Bandar & Desa | J41 | Tetap/Kontrak |
| 9. | Penolong Pegawai Teknologi Maklumat | F29 | Tetap/Kontrak/ Sambilan |
| 10. | Penolong Juruaudit | W27 | Tetap/Kontrak/ Sambilan |
| 11. | Setiausaha Pejabat | N27 | Tetap/Kontrak/ Sambilan |
| 12. | Pembantu Penguatkuasa | N17 | Tetap/Kontrak |
| 13. | Pembantu Tadbir (Perkeranian/ Operasi) | N17 | Tetap/Kontrak |
| 14. | Pegawai Khidmat Pelanggan | N17 | Tetap/Kontrak/ Sambilan |
| 15. | Pembantu Tadbir (Kewangan) | W17 | Tetap/Kontrak/ Sambilan |

**CARA MEMOHON** : Semua permohonan jawatan perlu dibuat secara atas talian (*'on-line'*) menerusi portal rasmi " **http://www.mppp.gov.my**. atau " **http://eperjawatan.mppp.gov.my** mulai **7 DISEMBER 2013.**

**TARIKH TUTUP PERMOHONAN : 21 DISEMBER 2013**

Sebarang kemusykilan atau permasalahan berhubung permohonan ini, sila hubungi **Bahagian Pengurusan Sumber Manusia** di talian berikut:-

**04-2592115 / 2311 / 2245**

# Tandas awam Pasar Air Itam terima taraf lima bintang

Oleh: **AINUL WARDAH SOHILLI**



PARA Pekerja Am MPPP mengambil inisiatif sendiri menyerikan keadaan tandas awam Pasar Awam Air Itam dengan tumbuh-tumbuhan perhiasan.



RUPA tandas awam Pasar Awam Air Itam yang memperoleh penarafan lima bintang baru-baru ini.

**AIR ITAM –** Pihak pengurusan tandas awam Pasar Awam Air Itam yang baru-baru ini memperoleh penarafan lima bintang oleh Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) akan terus mempertingkatkan kerja dalam aspek kebersihan, keceriaan dan keselesaan selaras dengan aspirasi Pulau Pinang untuk menyediakan perkhidmatan berkelas dunia kepada semua.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Itam, Wong Hon Wai yang hadir pada Majlis Khas Meraikan Penerimaan Penarafan Lima Bintang baru-baru ini berkata, kejayaan tersebut (penarafan lima bintang) akan menjadi inspirasi kepada kami untuk terus meningkatkan usaha bagi memastikan tandas-tandas di kawasan sekitar berkeadaan baik, selesa dan ceria," katanya.

Tambah beliau, MPPP telah membelanjakan lebih RM1 juta untuk menaiktaraf tujuh tandas awam di Pulau Pinang termasuk di Pasar Awam Batu Maung, Batu Lanchang, Jelutong, Pulau Tikus, Lebuh Cecil dan Batu Uban.

"Kerja-kerja menaiktaraf hampir selesai kecuali di Pasar Awam Jelutong dan Pulau Tikus yang dijangkakan selesai hujung tahun ini," ujar Hon Wai.

Dalam pada itu, Ahli Jawatankuasa Tetap Kesihatan Awam MPPP, Ong Ah Teong yang turut hadir berkata, kesemua 60 buah tandas yang terdapat di bahagian pulau telah menerima kelulusan menaiktaraf dan hanya tandas awam di Pasar Awam Air Itam yang menerima penarafan lima bintang.

"Sebenarnya hal ehwal tandas merupakan komponen yang amat dititikberatkan dalam pengurusan pasar awam dan pihak terbabit telah membuktikan bahawa usaha masing-masing berhasil dan diiktiraf hari ini.

"Sejumlah RM300,000 disediakan tahun hadapan untuk menaiktaraf lebih banyak tandas awam di negeri ini," kata Ah Teong.

## 200 murid terima kelengkapan sekolah



WONG Hon Wai (belakang, tengah) bergambar bersama-sama sebahagian penerima sumbangan pakaian sekolah di sini baru-baru ini.

**AIR ITAM –** Seramai 200 murid daripada keluarga kurang berkemampuan menerima sumbangan pakaian sekolah hasil sumbangan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Itam, Wong Hon Wai di sini baru-baru ini.

Jelas Hon Wai, sumbangan tersebut bertujuan meringankan bebanan ibu bapa berpendapatan rendah untuk membeli pakaian sekolah untuk anak-anak mereka.

"Ini merupakan kali pertama golongan ini menerima sumbangan dalam bentuk pakaian seragam sekolah berserta kelengkapan lain seperti kasut putih.

"Sebelum ini, mereka hanya menerima baucar dan inisiatif tersebut tidak dilaksanakan secara menyeluruh," katanya kepada Buletin Mutiara baru-baru ini.

Menurut Hon Wai, sumbangan tersebut merupakan tanggungjawab sosial pihaknya bagi menyumbang kepada golongan memerlukan tanpa mengira kaum kerana kita hidup dalam komuniti masyakarat majmuk.

Sementara itu, katanya, pihak sekolah juga memainkan peranan dengan memaklumkan kepadanya tentang murid-murid yang kurang bernasib baik ini.

## Kem cuti sekolah lahir remaja tinggi sahsiah



SEKUMPULAN pelajar lelaki yang menyertai Kem Hafalan al-Quran dan Pemantapan Ibadah dekat sini baru-baru ini.

**PENAGA –** Penganjuran Kem Hafalan al-Quran dan Pemantapan Ibadah dekat Masjid Permatang Keriang di sini pada musim cuti persekolahan adalah bertujuan memberi peluang kepada peserta meningkatkan kemahiran dalam pembacaan al-Quran.

Pada masa sama, ia juga bagi membolehkan golongan kanak-kanak dan remaja mempelajari perkara-perkara lain berkaitan pembinaan ketinggian sahsiah peribadi Muslim.

Menurut Pegawai Penyelaras Kawasan Dewan Undangan Negeri (PPK) Penaga, Ridwan Osman, beliau lazimnya mengalu-alukan program sebegitu yang bukan sahaja mampu mengisi masa lapang semasa cuti persekolahan, tetapi juga meningkatkan kefasihan membaca al-Quran serta kepentingan menunaikan solat yang terkandung dalam ilmu fardhu 'ain.

"Kem yang dijalankan adalah secara sistem halaqah, iaitu sekumpulan pelajar duduk bersama seorang ustaz, turut memberi penekanan aspek ilmu tajwid dan iqra' serta motivasi dalam melahirkan remaja yang celik al-Quran dan berkaliber," jelas beliau baru-baru ini.

Kem selama sebulan berkenaan disertai kira-kira 100 pelajar berusia dari 8 tahun sehingga 15 tahun.

Terbahagi kepada dua kategori, iaitu sekolah rendah dan sekolah menengah, kem tersebut merupakan program tahunan acapkali cuti persekolahan bermula.

# Futsal Teluk Bahang cungkil bakat baharu

**TELUK BAHANG** - Objektif utama penganjuran Pertandingan Futsal Bawah 12 tahun anjuran Pejabat Pegawai Penyelaras Kawasan Dewan Undangan Negeri (PPK) Teluk Bahang baru-baru ini adalah bagi mencungkil bakat baru khususnya daripada golongan anak-anak watan di sini.

PPK Teluk Bahang, Datuk Abdul Halim Hussain berkata, kira-kira 90 pelajar dalam lingkungan usia sembilan dan 10 tahun menyertai pertandingan tersebut.

"Pertandingan yang diadakan secara santai di padang Sekolah Kebangsaan Teluk Bahang ini turut menyaksikan beberapa peserta cilik menyerlah.

"Tujuannya bukan untuk mengejar hadiah yang ditawarkan, tetapi lebih kepada mencungkil bakat bermain bola khususnya anak-anak watan di sini," ujarnya kepada Buletin Mutiara.

Pertandingan yang dianjurkan secara bersama dengan Kelab Sukan Teluk Bahang dan Ahli Majlis Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP), Tan Chiew Choon turut menawarkan hadiah wang tunai dan beg sekolah kepada semua peserta.

Dalam pada itu, Abdul Halim juga berhasrat mengadakan beberapa lagi siri pertandingan futsal dan bola sepak khususnya kepada golongan remaja kelak.



**SEBAHAGIAN peserta bergambar kenangan bersama-sama Abdul Halim Hussain (barisan belakang, tengah, berkaca mata) dan barisan penganjur pada Pertandingan Futsal Bawah 12 Tahun di sini baru-baru ini.**

# Khatan tradisional Bayan Lepas meriah

Oleh: **AINUL WARDAH SOHILLI**

**BAYAN LEPAS** – Seramai 34 orang anak-anak watan Bayan Lepas menyertai Majlis Berkhatan Beramai-ramai (Kaedah Tradisonal – Tok Mudim) dekat sini baru-baru ini.



**ANTARA kanak-kanak yang menanti giliran untuk dikhatankan di Majlis Berkhatan Beramai-ramai di sini baru-baru ini.**

Majlis anjuran bersama Pasti Darul Ulum, PAS Cawangan Kampung Matahari Naik dan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) Taman Perda tersebut turut dijayakan Pasukan Bomba dan Penyelamat Bomba Kampung Terang, Balik Pulau.

Menurut Pengarah Program, Safar Said, kesemua kanak-kanak berkenaan dibawa berarak menaiki sebuah lori dan turut diiringi dengan 10 buah motosikal berkuasa tinggi.

"Kita arak budak-budak ini melalui lima kawasan iaitu Kampung Masjid, Kampung Sulup, Taman Sahabat, Kampung Nelayan dan Taman Perda.

"Sampai di Teluk Kumbar, paluan kompang dari ar-Raudhah Taman Perda mengiringi sampai acara pancuran air," ulasnya yang juga Ahli JKKK Taman Perda.

Tambah Safar, sungguhpun ada dalam kalangan kanak-kanak terlibat ketakutan dan menangis, namun, kesemua mereka berjaya dikhatankan Ustaz Mohammad Rizal dari Pantai Cicar, Kuala Kedah.




## Info PPK



**Haji Mohd. Tuah Ismail**
**Pusat Khidmat Penyelaras**
**KADUN Pulau Betong**
**149-C, Mukim E,**
**Jalan Titi Teras,**
**11000 Balik Pulau.**

No. Telefon : **04 - 866 0214** (Pejabat)
**019 - 570 9500**
(Pegawai Penyelaras)
**012 - 422 4935**
(Pembantu)

## Bakat Si Cilik – Mewarna!!



Cekap    Akauntabel    Telus

Sila isi butiran berikut:

Nama : ____________________

No. My Kid/ Kad Pengenalan: ____________________

Alamat: ____________________

____________________

Nama Ibu/ Bapa/ Penjaga: ____________________

No. Telefon : (Rumah) __________ (Bimbit) __________

Emel: ____________________

Terma & Syarat Peraduan:

1. Terbuka kepada kanak-kanak berusia 12 tahun dan ke bawah.
2. Hanya borang penyertaan sah boleh digunakan.
3. Peserta boleh menghantar seberapa banyak penyertaan.
4. Hasil lukisan akan menjadi hak penganjur.
5. Keputusan pengadil adalah muktamad.
6. Penyertaan ahli keluarga terdekat barisan penganjur adalah tidak sah.
7. Tarikh tutup penyertaan adalah pada 14 Februari 2014.
8. Sebarang pertanyaan, sila hubungi 04-650 5704 / 650 5375 / 650 5256.
9. Alamatkan semua borang penyertaan kepada:
   Buletin Mutiara, Peraduan Bakat Si Cilik - Mewarna,
   Tingkat 47, Komtar, 10503 Pulau Pinang.

**Hadiah:**

**Pertama: RM200**
**Kedua: RM150**
**Ketiga: RM100**
**20 Hadiah Saguhati**